Tarif air- fakta & reaksi MS3



Jaga kebersihan cegah denggi MS6



Batu Kawan - bandar satelit ketiga MS 19



MS9

buletin Mutiara

PERCUMA

Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

1 – 15 APRIL 2014

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Hanif Azmir, Awatif juara Tilawah Al-Quran

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BERTAM** - Qari Hanif Azmir Hassim dan qariah Awatif Abdul Majid menjuarai kategori masing-masing pada Tilawah Al-Quran Kali Ke-57 Tahun 1435H/2014M Peringkat Negeri yang berlangsung di Dewan Millenium di sini baru-baru ini.

Qari dan qariah itu masing-masing menerima tiket umrah ke Mekah, RM4,000 wang tunai, piala, cenderamata serta sijil penyertaan yang disampaikan sendiri oleh Yang Di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Sohibus Samahah Datuk Seri Hassan Ahmad (Mufti Negeri), Datuk Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri), Datuk Abdul Walid Abu Hassan (Ketua Hakim Mahkamah Sharie Pulau Pinang) dan Datuk Mohd. Salleh Man (Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, MAINPP) turut hadir pada majlis selama dua malam itu.

Hanif Azmir yang juga Imam Masjid Negeri semasa ditemui kemudian melahirkan rasa bersyukur kerana sekali lagi dipilih sebagai Juara Menunggu kategori lelaki.

"Ini adalah rezeki daripada Allah... sudah lama Pulau Pinang tidak memenangi tilawah peringkat kebangsaan, kita harap kali ini kita ada peluang," ujar Hanif Azmir, berharap pihak berwajib terus menggalakkan pengajian al-Quran dalam kalangan kanak-kanak di negeri ini.

Nada yang sama turut diluahan oleh Awatif, yang masih menuntut di sebuah universiti dekat Kelantan.

"Saya sangat bersyukur kerana diberi peluang untuk menjadi tetamu Baitullah. Alhamdulillah, Allah memberi peluang untuk saya memenangi tilawah kali ini, walaupun bagi saya semua peserta qari dan qariah kali ini sama hebat," jelasnya.

Difahamkan, tujuh qari dan tujuh qariah menyertai tilawah Al-Quran selama dua hari pada kali ini

Qari, Hanif Azmir Hassim selaku Johan Menunggu, Mujahidin Syahid Nasruddin (mewakili Daerah Timur Laut), Mohamad Shahrin Baharuddin (mewakili Daerah Barat Daya), Mohd. Fadzil Ismail (mewakili Daerah Seberang Perai Tengah), Mazlan Wan Chik (mewakili Daerah Seberang Perai Selatan), Mustaffa Muhamad (mewakili Daerah Seberang Perai Selatan) dan Muhammad Siddiq Mohd. Rosli (mewakili Daerah Seberang Perai Utara).

Qariah pula, Nor Husna Mohammad Salleh – Johan Menunggu, Sakinah Ahmad (mewakili Daerah Timur Laut), Awatif Abd. Majid (mewakili Seberang Perai Tengah), Rozilah Jamaluddin (mewakili Seberang Perai Selatan), Aminah Mohd. Ali (mewakili Seberang Perai Selatan), Nor Haseena Mahjub (mewakili Seberang Perai Selatan) dan Che Noliah Saidin (mewakili Seberang Perai Utara).

Sementara itu, Mohd. Rashid pada perasmian pembukaan tilawah al-Quran menasihatkan semua pihak tanpa mengira faham politik supaya kembali menghayati akhlak al-Quran, antaranya, meninggalkan budaya saling memfitnah serta berdendam.

"Marilah bersama-sama kita melenyapkan perasaan yang boleh menghalang nikmat ukhwah Islamiah yang juga dianggap sebagai 'akhlak al-Quran', yang berpunca oleh sifat dengki, rasa mahu membalas dendam dan fitnah mana-mana pihak," ujarnya di depan lebih 2,000 hadirin pada hari pertama penganjuran majlis tersebut.

Menurut Mohd. Rashid, majlis tilawah al-Quran kali ini akan lebih bermakna sekiranya seluruh hadirin tekun menghayati inti ayat-ayat suci al-Quran yang diperdengarkan semua peserta tilawah al-Quran.

"Pemilihan tema 'al-Quran Mengukuh Ukhwah, Memartabat Ummah' dipilih oleh Kerajaan Negeri.

"Tema ini adalah sangat signifikan untuk kita kembali kepada 'akhlak al-Quran'," katanya sambil membahaskan pengajaran daripada ayat 10 dari Surah al-Hujuraat.



HANIF Azmir Hassim dan Awatif Abdul Majid menunjukkan trofi kemenangan selepas menjuarai kategori masing -masing pada Tilawah Al-Quran Kali Ke-57 Tahun 1435H/2014M Peringkat Negeri di sini baru-baru ini.

# MH370 - Ingatan buat keluarga dan rakan-rakan

**PENGHORMATAN...** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini meminta para hadirin Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman projek pembangunan antara Paramount Corporation Berhad (PCB) dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) supaya bertafakur selama satu minit bagi memperingati penumpang-penumpang, keluarga dan rakan-rakan kejadian MH370.

Beliau berkata, dalam apa jua keadaan, perkataan adalah tidak sesuai menggambarkan kehilangan dirasai ahli keluarga.

"Mari bersama kita berdoa untuk mereka,'' katanya sebelum memulakan ucapan beliau di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, inisiatif sama turut diambil Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) iaitu ketika sebelum berlangsungnya Mesyuarat Biasa Majlis di Dewan Bandaran di sini.

Yang di-Pertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail yang mengetuai inisiatif khas tersebut menyatakan bahawa beliau amat tersentuh dengan kesedihan ahli keluarga dalam melalui tempoh sukar berkenaan.



HADIRIN di Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman projek pembangunan antara PCB dan PDC bertafakur mengingati mangsa-mangsa nahas MH370.



KEADAAN di Dewan Bandaran di sini.

# Pangkalan TUDM – tidak bantah pindah jika beri impak positif

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng tidak membantah cadangan projek pemindahan lokasi Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Butterworth sekiranya projek berkenaan memberi impak positif terhadap kepentingan awam.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan turut membangkitkan isu tersebut di Dewan Rakyat baru-baru ini bagi mendapatkan penjelasan lanjut berkaitan projek pertukaran tanah *(land swap)* tersebut daripada Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishamuddin Tun Hussein.



KETUA Menteri menunjukkan lokasi Pangkalan TUDM di Butterworth sambil diperhatikan Mohd. Rashid Hasnon (tengah) dan Chong Eng pada sidang media di sini baru-baru ini.

"Secara lisan, saya minta beliau (Hishamuddin) menjelaskan sama ada projek bernilai RM3 bilion berkenaan dibuat secara tender terbuka.

"Ini termasuk nama syarikat pembida dan lokasi sebenar pangkalan TUDM yang dicadangkan untuk dibangunkan," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon dan Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng.

Walau bagaimanapun, tambah Guan Eng, jawapan daripada Datuk Seri Hishamuddin (Hishamuddin) masih samar-samar.

"Kita (Kerajaan Negeri) masih tunggu perkembangan dan penjelasan lanjut daripada Kementerian Pertahanan," tegasnya.

Dalam jawapan bertulis (merujuk kepada soalan lisan Dewan Rakyat Guan Eng berhubung isu tersebut) dikeluarkan, Hishamuddin menyatakan bahawa cadangan pemindahan dan pembangunan semula Pangkalan TUDM, Butterworth tersebut secara prinsipnya kerajaan telah bersetuju akan dijalankan melalui kaedah *'land swap'* oleh (usahasama) Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) – syarikat TSR Capital Berhad (TSR) dan Pembinaan Bukit Timah Sdn. Bhd. (PBT).

Sebagai balasan, pihak syarikat akan membina semula fasiliti TUDM iaitu, Pangkalan Udara (PU) Butterworth di tanah yang dicadangkan yang masih belum dimuktahirkan.

Kesemua persetujuan kedua-dua belah pihak berkenaan akan diputuskan setelah segala cadangan dan persetujuan balas kedua-dua pihak dimuktamadkan.

Terdahulu, laporan *The Edge Financial Daily (The Edge)* menyatakan bahawa TSR memaklumkan kepada Bursa Malaysia, pada 5 Februari lalu bahawa pihaknya telah menerima kelulusan kerajaan melalui usahasama LTAT, TSR dan PBT untuk membangunkan sebuah tapak baharu bagi pangkalan TUDM di Pulau Pinang melalui perjanjian pertukaran tanah.

# ZPP terima RM 1.9 juta zakat perniagaan TH




ROZAIDA Omar (empat dari kiri) menyerahkan replika cek pembayaran zakat perniagaan TH bagi tahun 2013 kepada Dr. Abdul Rahman Abbas (tiga dari kanan) sambil diperhatikan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN** – Zakat Pulau Pinang (ZPP) menerima sejumlah RM1,879,454.50 daripada Lembaga Tabung Haji (TH) Pulau Pinang sebagai pembayaran zakat perniagaannya bagi tahun 2013 di sini baru-baru ini.

Pembayaran tersebut disempurnakan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan TH, Datuk Rozaida Omar kepada Yang di-Pertua Negeri Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas pada sebuah majlis ringkas di Seri Mutiara di sini.

Menurut Rozaida, pembayaran zakat tersebut merupakan tanggungjawab TH sebagaimana disyariatkan dalam Islam, selain memperlihatkan keprihatinannya sebagai sebuah institusi Islam ikonik negara dalam melestarikan ekonomi ummah khususnya golongan asnaf.

Tambah beliau, pembayaran zakat pada kali ini meningkat sebanyak 12 peratus berbanding tahun 2012 dan jumlah yang akan dibayar kepada keseluruhan negeri di Malaysia adalah sebanyak RM46.29 juta.

"Peningkatan ini adalah sejajar dengan prestasi pendapatan keseluruhan TH yang memberangsangkan bagi tahun 2013," katanya pada majlis berkenaan di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna), Datuk Mohd. Salleh Man (Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, MAINPP), Azman Abdul Samat (Pengurus Besar ZPP) dan Muhamad Hamdan Omar (Pengarah TH Negeri Pulau Pinang).

Selain pembayaran kepada pusat-pusat zakat, TH turut mengagihkan zakatnya secara terus kepada golongan asnaf di seluruh negara melalui program tanggungjawab sosial korporat seperti Program Ehsan, Program Iqra' dan Program Baiti.

Pulau Pinang merupakan negeri ketujuh dalam siri jelajah penyerahan zakat perniagaan TH pada tahun ini.

Pengagihan zakat TH yang diterima oleh negeri ini pada tahun 2012 adalah sebanyak RM1,684,247.35 dan RM1,611,467.00 (2011).

# Kurangkan penggunaan air - KM

**GEORGE TOWN -** Keutamaan Kerajaan Negeri adalah bagi mengelakkan pelaksanaan sebarang catuan air di sini," tegas Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada sidang media di sini baru-baru ini.

Jelas beliau, dalam tempoh enam tahun sebelum ini, fokus diberikan terhadap pengurusan bekalan air bagi memenuhi permintaan pertambahan populasi, pembangunan dan projek pelaburan di Pulau Pinang.







"Ini dibuktikan melalui pendapatan bukan keuntungan air negeri berjumlah 17.6 peratus iaitu terendah (dalam negara) berbanding purata nasional, 36.4 peratus.

"Tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan serta pertambahan populasi di Pulau Pinang pada tempoh enam tahun ini adalah lebih banyak berbanding 18 tahun sebelum ini. Ini terbukti apabila negeri (Pulau Pinang) muncul sebagai lokasi pilihan para pelabur dengan catatan jumlah pelaburan langsung asing (FDI) tertinggi dalam negara untuk tempoh 2010 hingga Ogos 2013.

"Justeru, Kerajaan Negeri akan cuba elak kerana sebarang inisiatif catuan air bukan hanya membawa kesusahan kepada para penduduk, malah juga komuniti perniagaan di negeri ini," katanya mengulas lanjut berhubung isu kenaikkan tarif air pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP), Ir. Jaseni Maidinsa.

Kini, tarif air di Pulau Pinang adalah terendah dalam negara iaitu 31 sen untuk 35,000 liter pertama.

Pada tahun 2013, penggunaan air di Pulau Pinang adalah yang tertinggi dengan catatan 295 liter per kapita sehari (l/c/d) di Malaysia.

Bagi dua bulan pertama tahun ini (2014), jumlah tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak 5.4 peratus kepada 311 l/c/d. Angka tersebut merupakan lebihan 46.7 peratus daripada jumlah purata penggunaan air nasional sebanyak 212 l/c/d.

Guan Eng yang juga Pengerusi PBAPP memberitahu, kenaikkan tarif air adalah sebagai usaha mengurangkan penggunaan air secara berlebihan dan menggalakkan para pengguna supaya berjimat-cermat.

Bagaimanapun, tambah beliau, walaupun dinaikkan, tarif air (baru) masih lagi terendah dalam negara (Malaysia).

"Penggunaan air yang tinggi di negeri ini sekiranya dibiarkan akan menyebabkan Kerajaan Negeri tiada jalan lain selain melaksanakan inisiatif catuan air.

"Kita mesti ingat bahawa prospek untuk fenomena musim kemarau adalah amat nyata dengan jangkaan daripada *ASEAN Specialised Meteorological Centre in Singapore* bahawa pada tempoh bulan April hingga Mei, negara-negara ASEAN akan menerima kurang hujan dan musim kering, antara Jun hingga Oktober tahun ini.

"Juga kita mesti ingat bahawa kini, Selangor dan Johor telah menjalankan catuan air dan Taiping, Perak iaitu negeri paling lembab di Semanjung Malaysia juga telah memulakan proses sama," jelasnya.

Tambah Guan Eng, bagi mengekalkan kadar domestik tarif air terendah iaitu 31 sen bagi penggunaan 35,000 liter pertama, subsidi ditanggung PBAPP pada tahun lalu adalah hampir mencecah RM70 juta. Harga 31 sen tersebut merupakan lebih daripada separuh nilai purata nasional berjumlah 66 sen dengan paling mahal adalah di Johor, 105 sen.

"Kerajaan Negeri dipaksa mengambil langkah menaikkan tarif air demi masa depan anak-anak kita dengan memaksa para konsumer kini supaya mengurangkan penggunaan air agar generasi masa depan mempunyai peluang lebih tinggi mengelakkan catuan air," tegas beliau.

**FAKTA :**

**Isi rumah yang mempunyai 8 orang dan ke atas layan memohon diskaun 60% WCS bermula 1 Mei 2014.**

Borang boleh diperoleh bermula 16 April 2014 di :

| | | |
|---|---|---|
| Komtar | : | L4, ICT, Phase 1B, Level 4 Komtar, Jalan Penang; |
| Bayan Baru | : | i-Avenue, No. 1-1-16 and 1-1-17, Medan Kampung Relau 1; |
| Rifle Range | : | No. 36, Jalan Padang Tembak; |
| Balik Pulau | : | 1346, Jalan Sungai Pinang; |
| Perai Complex | : | No. 1111 Tingkat Perusahaan 6D, Kawasan Perusahaan Perai IV; |
| Taman Selat | : | No. 77 Taman Selat, Jalan Bagan Luar, Butterworth. |
| Kepala Batas | : | 2160, Kompleks Pentadbiran Bertam, Jalan Bertam 1; |
| Bukit Mertajam | : | Wisma Hock Teik, 1778, Jalan Ciku; |
| Jawi | : | Kompleks PBAPP Jawi, 1830, Jalan Changkat. |

Dokumen-dokumen diperlukan : -

- Nama penuh dan nombor kad pengenalan semua penghuni premis (semua kad pengenalan perlu memiliki alamat sama sebagaimana dalam bil air domestik PBAPP);
- Salinan kad pengenalan yang disahkan; dan
- Satu salinan bil air terkini.
- Semua borang boleh diisi dan dihantar segera untuk tindakan PBAPP.

Diskaun hanya sah kepada pengguna air domestik (Tarif 1) dan hanya berkuatkuasa pada caj WCS bermula 1 Mei 2014.

## Naik tarif air elak pembaziran - KM

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri lazimnya amat bimbang ekoran kenyataan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G. Palanivel baru-baru ini yang menyatakan bahawa kepanasan berpanjangan di Lautan Pasifik atau El Nino dijangka berlaku pada separuh tahun kedua ini yang mana dijangka bakal memburukkan lagi keaadaan cuaca kering sedia ada.

Kenyataan tersebut turut menyebut bahawa kejadian El Nino dan jumlah hujan yang didedahkan *ASEAN Specialised Meteorological Centre* (ASMC) pada persidangan di Brunei baru-baru ini adalah dijangka di bawah jumlah purata untuk sebahagian besar rantau selatan sehingga musim monson barat daya pada awal bulan Oktober.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, lanjutan itu, beliau telah meminta Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus supaya memohon diadakan satu taklimat khas oleh pihak kementerian terbabit kepada barisan Exco Kerajaan Negeri berhubung perkara berkenaan.

"Dengan penggunaan air domestik sebanyak 311 per kapita sehari di Pulau Pinang iaitu 50 peratus lebih tinggi daripada purata penggunaan nasional sebanyak 212 liter per kapita sehari, kita (Kerajaan Negeri) tidak dapat meneruskan 'perniagaan seperti sedia kala'.

"Sebaliknya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu bertindak dengan penuh tanggungjawab dengan mengambil langkah pencegahan bagi mengelakkan inisiatif catuan air," katanya dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, kadar kepenggunaan air domestik yang tinggi di sini (Pulau Pinang) turut mendapat maklum balas daripada Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Maximus Johnity Ongkili yang mana telah menolak permohonan Kerajaan Negeri supaya Pusat mengambil alih Skim Perpindahan Air Mentah Sungai Perak bernilai RM300 juta.

"Malah, beliau (Maximus Johnity) menyatakan bahawa sumber air Pulau Pinang boleh 'dipanjangkan' sekiranya kita (Pulau Pinang) mengurangkan penggunaan air domestik yang tinggi kini.

"Justeru, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membuat pilihan tepat bagi mengelakkan inisiatif catuan air menerusi pengurangan penggunaan air domestik dengan menaikkan tarif air ekoran kegagalan kempen pendidikan mengenakan surcaj pemuliharaan air (WCS) terhadap mereka yang membazir air sebelum ini," jelas beliau.

**APA KATA MEREKA :**



**ASWIRNA Sukur,** 34, Usahawan Butik Pengantin.

"Saya berpendapat kenaikkan ini dilihat sedikit wajar memandangkan kadar penggunaan air di negeri ini begitu tinggi berbanding negeri lain dan tindakan Ketua Menteri ini dilihat sebagai 'menjaga air' Pulau Pinang bagi mengelakkan catuan jika berlaku masalah air lagi.

"Selain itu, saya merasakan amat bertuah di Pulau Pinang yang tiada sebarang catuan air, oleh demikian, bermula dari sekarang penduduk Pulau Pinang mesti jimatkan air untuk elakkan catuan air di masa hadapan," katanya.



**JAMIL Jalil,** 27, Jurutera kilang.

"Saya berpendapat Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) harus mengkaji secara mendalam penggunaan antara domestik dan industri, jika didapati pihak industri yang melakukan penggunaan yang banyak, lebih baik dinaikkan pada tarif industri sahaja.

"Sebagai sebuah negeri yang maju, bagi saya, pengguna domestik tidak punyai masa yang banyak dalam 'menggunakan air', tetapi dalam mendidik rakyat bagi saya, ianya tidak salah juga, tambahan air kita masih termurah berbanding negeri lain," ujar Jamil.

# P. Pinang terima jemputan rasmi SUKMA

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menerima kunjungan rakan sejawat dari Perlis di pejabatnya di sini baru-baru ini.

Menteri Besar Perlis, Azlan Man berkata, kunjungan hormat itu antara lain sebagai mempromosi Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-17 selama 12 hari bermula 24 Mei ini di negeri berkenaan.

"Perasmian pembukaan pada 26 Mei akan dirasmikan oleh D.Y.M.M. Raja Perlis (Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail), manakala Perdana Menteri (Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak) akan hadir untuk perasmian penutup.

"Dengan jemputan rasmi kepada Ketua Menteri (Guan Eng) pada hari ini, kita (Kerajaan Negeri Perlis) berharap lebih ramai orang Pulau Pinang sendiri berkunjung ke Perlis nanti... bukan sahaja untuk menyertai SUKMA, tetapi, juga untuk melancong ke Perlis," ujarnya pada majlis ringkas tersebut.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Chong Eng (Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat) dan Datuk Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri) turut menyertai majlis itu.

Manakala, delegasi Kerajaan Negeri Perlis pula disertai Exco Belia & Sukan, Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Abdul Jamil Saad, Romli Dai (Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis) dan Asmaiza Ahmad (Ahli Dewan Undangan Negeri Chuping).

Guan Eng dalam kenyataannya melahirkan penghargaan kepada delegasi Kerajaan Negeri Perlis atas jemputan rasmi ke SUKMA Ke-17 2014 itu.



KETUA Menteri menunjukkan maskot penganjuran SUKMA Ke-17 sambil diperhatikan Azlan Man pada kunjungan rasmi beliau ke sini baru-baru ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Guan Eng turut menyambut baik hasrat rakan sejawatnya untuk kedua-dua pihak mengadakan kerjasama strategik dalam sektor pelancongan dan sukan di negeri masing-masing.

Difahamkan, 19 sukan wajib dipertandingkan pada SUKMA kali ini, iaitu, akuatik, angkat berat, badminton, berbasikal, bola sepak, boling padang, gimrama, hoki, karate, memanah, menembak, olahraga, pencak silat, perahu layar, sepak takraw, skuasy, tenpin boling, taekwondo dan wushu.

Itu, tidak termasuk lima sukan pilihan iaitu, golf, kanu, petanque, tenis dan tinju.

"Tomoi sebenarnya adalah antara sukan tradisional yang cukup popular di Utara (Semenanjung Malaysia) seperti di Perlis, juga di Pulau Pinang.

"Mungkin, ia perlu dikaji (sebagai sukan pilihan) dalam SUKMA kerana sukan ini mempunyai ramai peminat tersendiri di negara ini, bagus untuk sukan pelancongan," seloroh Guan Eng.

## Usahawan berdaya saing diberi perhatian – Rashid



DUA pengunjung Orkid 2014 memberikan *pose* menarik kepada lensa Buletin Mutiara sambil memerhatikan keunikan bunga orkid yang dipamerkan di sini baru-baru ini.

**SEBERANG JAYA -** Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon berkata, pihaknya akan memberi perhatian lebih kepada usahawan yang berdaya saing serta berpontensi untuk membawa nama Pulau Pinang ke luar negeri.

Menurut beliau, enam usahawan dari pelbagai kaum yang dipilih menyertai Karnival Keusahawanan di Sarawak sebelum ini adalah ekoran masing-masing memenuhi kriteria digariskan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Keusahawanan.

"Yang terbaik dan berdaya saing, kita akan bawa mereka ke luar negeri jika ada kesempatan nanti," jelasnya semasa merasmikan penutupan Majlis Karnival Keusahawanan dan Flora (Orkid) 2014 di Tapak Ekspo Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Jusni Ismail dan pemimpin-pemimpin beberapa Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) negeri turut hadir pada majlis itu.

Mengulas mengenai kenaikan harga barang dan kos sara hidup yang terus membebankan rakyat, Mohd. Rashid berkata, pihaknya yakin lebih ramai lagi akan menceburi bidang keusahawanan.

Justeru, beliau memberitahu, inisiatif MMK Keusahawanan menganjurkan karnival seumpama ini adalah menepati keperluan usahawan sekarang iaitu untuk mempromosi serta mengembangkan pasaran produk masing-masing.

"Kita menyedari keadaan ekonomi sekarang. Kerana itu, kita menganjurkan karnival seperti ini untuk memberi sokongan kepada para usahawan," ujar Mohd. Rashid yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi & Perhubungan Masyarakat.

Difahamkan, karnival julung kali dianjurkan Persatuan Anak Bangsa Malaysia (PABM) bersama Kerajaan Negeri berlangsung selama lima hari membabitkan para usahawan orkid.

## Setuju cegah biak aedes di tanah perkuburan Cina



DR. Afif Bahardin (lima dari kanan) menyerahkan abate percuma kepada Oon Choo Khye (enam dari kiri) selepas majlis interaksi dua hala di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Abate percuma, risalah serta kain rentang Kempen Perangi Denggi diedarkan kepada semua pengurus tanah perkuburan Cina di negeri ini demi memastikan kawasan-kawasan eksklusif tersebut bebas dari pembiakan nyamuk aedes.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata demikian selepas mendapatkan kata sepakat daripada pengurus-pengurus tanah perkuburan Cina berhubung status takungan air upacara ritual yang dikatakan menjadi salah satu punca pembiakan jentik-jentik di lokasi terbabit.

"Kita akan terus agihkan abate hari ini juga, manakala, risalah dan kain rentang akan kita beri kemudian," ujarnya kepada wartawan selepas majlis taklimat di sini baru-baru ini.

Pengerusi Persatuan Kebajikan Perkuburan Cina Bersatu Negeri Pulau Pinang, Datuk Oon Choo Khye serta ahli jawatankuasanya, Datuk Teoh Kooi Seah (bekas Exco Kerajaan Negeri era Tun Dr. Lim Cheung Eu menjadi Ketua Menteri) dan Datuk Lye Siew Weng (bekas timbalan speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang era Tan Sri Koh Tsu Koon menjadi Ketua Menteri) turut hadir pada majlis interaksi tersebut.

Hadir sama, Dr. Romli Awang (Pengarah perkhidmatan Kesihatan bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP), Noranrohaiza Abd. Ghani (Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran MPPP) serta wakil Jabatan Kesihatan Negeri.

Sebelum itu, Choo Khye memberitahu bahawa pihaknya boleh memberi kerjasama lanjut berhubung status takungan air upacara ritual yang dikatakan menjadi salah satu punca pembiakan jentik-jentik di lokasi terbabit.

"Kita sebulat suara memberi sokongan pada usaha Kerajaan Negeri untuk mencegah pembiakan (jentik-jentik) ini," ujar beliau.

Terdahulu, Afif memberitahu bahawa padang permainan, tanah lapang serta tapak pembinaan antara kawasan di sekitar negeri ini dikenal pasti sebagai sarang pembiakan denggi, selain, kawasan perkuburan.

# Hon Wai letak jawatan PAC

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**PADANG KOTA** – Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai menyerahkan surat perletakan jawatan beliau sebagai Pengerusi Kira-kira Kerajaan Negeri (PAC) kepada Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Law Choo Kiang di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, perletakan jawatan yang berkuatkuasa 17 Mac lalu adalah ekoran lantikan Hon Wai sebagai Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri baru-baru ini menggantikan Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik.

Menurut Hon Wai, walaupun Peraturan 109A (3) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat DUN Pulau Pinang hanya tidak membenarkan ahli Exco menjadi Pengerusi atau Ahli PAC, beliau sendiri merasakan bahawa jawatan baru sebagai Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri adalah tidak 'bersesuaian' untuk menjawat jawatan berkenaan.

"Ini adalah berdasarkan pada pandangan saya berhubung aspek kapasiti kuasa bahawa adalah tidak bersesuaian bagi seseorang Setiausaha Politik Ketua Menteri manjawat jawatan dalam PAC," ujarnya selepas menyerahkan surat perletakan jawatan sebagai Pengerusi PAC kepada Choo Kiang di sini baru-baru ini.

Hadir menerima surat perletakan jawatan berkenaan adalah Choo Kiang sendiri.

Mengulas lanjut, Hon Wai menyatakan bahawa bagi tempoh lapan bulan menyandang jawatan sebagai Pengerusi PAC, terdapat empat mesyuarat telah diadakan.



**WONG Hon Wai (kiri) menyerahkan surat perletakan jawatan beliau kepada Law Choo Kiang pada majlis ringkas di sini baru-baru ini.**

"Antara fokus mesyuarat-mesyuarat tersebut adalah masalah dan ketidaksempurnaan sistem e-tanah, rekod pendaftaran perumahan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) serta Rekod Bantuan Kebajikan Jabatan kebajikan," ujarnya.

Dalam pada itu, Choo Kiang menyatakan bahawa beliau menerima perletakan jawatan Hon Wai dengan terbuka.

"Lantikan baru saya jangkakan akan berlangsung pada Mei ini iaitu ketika sidang DUN Penggal Pertama," nyata beliau.

# Program amal *Charis Hospice* kumpul dana RM40K

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN–** Kira-kira RM40,000 dana berjaya dikumpul 37 pasukan bermotor dan 85 buah pusat membeli-belah sempena penganjuran program Pencarian Amal Charis Hospice Ke-6 di sini baru-baru ini.



**PARA peserta program Charis Hospice Hunt diraikan dalam majlis *hi-tea* di sini baru-baru ini.**

Bertemakan 'Pencarian Ikonik Pulau Pinang', program amal tersebut memberi peluang kepada para peserta beriadah sambil beramal melalui dua acara utama iaitu *Motor Hunt* dan *Shopping Mall Hunt*.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon berkata, usaha murni dijalankan organisasi amal, *Charis Hospice* saban tahun wajar dipuji dan dijadikan contoh buat pertubuhan-pertubuhan lain.

"Usaha ini harus dipuji. Saya benar-benar percaya bahawa lebih banyak yang kita beri, lebih banyak yang akan kita terima pada masa hadapan.

"*Charis Hospice* telah memberikan begitu banyak bantuan untuk rakyat Pulau Pinang, terima kasih," ujarnya pada Majlis *Hi-Tea Charis Hospice Hunt* di sini baru-baru ini.

*Charis Hospice* yang memulakan operasi pada 1 November 2004 menyediakan sokongan perubatan secara percuma kepada pihak-pihak memerlukan.

Hasil sumbangan dana-dana melalui penganjuran program-program berkaitan akan disalurkan terus untuk kegunaan operasi seperti pinjaman peralatan perubatan, perunding pesakit luar, kaunseling, penjagaan rumah uzur dan lain-lain.

Bagi salah seorang peserta, Chiang Mei Teo, beliau menyatakan bahawa program pencarian amal amat menarik apabila para peserta dikehendaki mencari mercu-mercu tanda utama di Pulau Pinang.

"Saya tinggal di sini (Pulau Pinang) selama sepuluh tahun, tetapi, tidak pernah mengetahui bahawa wujudnya rumah asal P. Ramlee di sini," ulasnya lanjut.

# Peguam Negara mesti tegas tegak undang-undang - KM

**GEORGE TOWN -** Peguam Negara mesti tegas dalam menegakkan undang-undang dan bertindak ke atas perbuatan samseng tanpa kira kedudukan demi menjaminkan ketenteraman awam, harmoni kaum dan agama di Pulau Pinang.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berikutan jawapan bertulis pada 25 Mac lalu oleh Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi di Parlimen bahawa kertas siasatan polis berkaitan peristiwa-peristiwa berkaitan dilaporkan sebelum ini telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya.

"Sekiranya mereka yang terlibat, termasuk pemimpin UMNO, dilepaskan begitu sahaja tanpa sebarang tindakan dijalankan, maka ia akan menggalakkan lebih banyak peristiwa yang tidak diingini sedemikian oleh kumpulan samseng ini untuk terus menggugat keselamatan negara," tegasnya dalam kenyataan di sini baru-baru ini.

Berikut adalah soalan Parlimen Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan kepada Ahmad Zahid : -

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**SOALAN:**

**TUAN Lim Guan Eng (Bagan) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan hasil siasatan polis terhadap peristiwa ganas yang mencetuskan ketegangan kaum dan agama pada bulan Januari 2014 dengan 2 demonstrasi yang melibatkan pemimpim UMNO di Seberang Jaya dan Machang Bubok, pengeboman sebuah gereja berikutan 3 sepanduk digantung di luar 3 buah gereja Katolik di George Town.**

**JAWAPAN3:**

Tuan Yang di Pertua,

Siasatan telah dibuat berhubung dengan bantahan yang dianjurkan oleh UMNO Pulau Pinang berkaitan dengan gambar dalam Twitter milik lelaki bernama Lee Khai Loon yang memasukkan kangkung ke dalam mulut replika Perdana Menteri. Himpunan yang dihadiri lebih kurang 1,000 orang terdiri daripada ahli dan pemimpin UMNO, NGO, Perkasa dan penduduk setempat. Terdapat kain rentang yang tertulis "kerana mulut pemimpin DAP, 13 Mei 1969 terjadi.. mau lagi kaa". Kertas siasatan telah dibuka berkait Seberang Jaya Repot 454/2014, siasatan dijalankan di bawah Seksyen 9 (1) Akta Perhimpunan Aman dan Seksyen 4 (1) Akta Hasutan. Kertas siasatan telah dirujuk ke Timbalan Pendakwaraya pada 25 Februari 2014 untuk nasihat dan pandangan.

Bantahan kedua yang dibuat di Machang Bubok, Bukit Mertajam terdiri daripada ahli dan pemimpin UMNO, NGO Perkida dan penduduk setempat membantah perkara yang sama. Kertas sisatan telah dibuka berkait Bukit Mertajam Repot 734/2014, Seksyen 9 (1) Akta Perhimpunan Aman. Kertas siasatan telah dirujuk ke Timbalan Pendakwaraya pada 17 Februari 2014 untuk nasihat dan pandangan.

Berhubung dengan kejadian serangan *molotov cocktail* terhadap *The Church of the Assumption*, Lebuh Farquhar Pulau Pinang, laporan polis telah dibuat berkait Central Repot 854/2014, disiasat di bawah Sejsyen 436 dan Seksyen 511 Kanun Keseksaan. Kejadian berlaku pada jam 1.30 pagi semasa pengadu seorang pengawal keselamatan penyedari terdengar bunyi kaca pecah dan berlaku nyalaan api di pintu gereja. Siasatan telah dibuat oleh pihak forensik mendapati ianya merupakan sejenis *molotov cocktail*. Tidak ada saksi dan cctv yang berdekatan bagi membantu siasatan. Setakat ini tidak ada tangkapan dan petunjuk bagi membantu siasatan. Kertas siasatan telah dirujuk ke Timbalan Pendakwaraya pada 27 Februari 2014.

Terdapat tiga kertas siasatan telah dibuka berhubung dengan pemasangan kain rentang mengenai penggunaan kelimah Allah di tiga buah gereja. Ketiga tiga kes berkenaan merupakan kes yang sama dan kain rentang yang sama iaitu bertulis *"ALLAH IS GREAT. JESUS IS THE SON OF ALLAH"* dan berlatarbelakangkan wajah Jesus dan Salib. Siasatan telah dijalankan di tempat kejadian mendapati dan juga petunjuk yang diperolehi memandangkan kejadian di awal pagi dan tidak ada rakaman CCTV yang dapat membantu siasatan. Kertas Sisatan telah lengkap dan akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya untuk nasihat dan pandangan selanjutnya.

# Penduduk jadi mata-mata cegah denggi - Exco

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**


DR. Afif Bahardin (tiga dari kiri) menyuluh jentik-jentik di kawasan air bertakung lokasi parkir kereta bawah tanah terbiar sebuah pusat membeli-belah pada sesi lawatan khas di sini baru-baru ini.

**BUKIT MERTAJAM** – Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin mengingatkan penduduk negeri ini supaya sentiasa menjaga kebersihan di sekitar kawasan kediaman masing-masing bagi memerangi wabak denggi yang semakin meningkat kebelakangan ini.

Seruan tersebut adalah hasil lawatan ke tapak pembuangan sampah haram dan pembiakan nyamuk aedes di dua tingkat parkir kereta bawah tanah terbiar sebuah pusat membeli-belah yang menjadi kawasan takungan air di sini.

"Penemuan ini sangat mengejutkan kerana pihak kesihatan sendiri tidak menjangka enam kes denggi di kawasan berdekatan berpunca daripada bangunan terbiar ini.

"Sungguhpun begitu, tindakan pantas pihak-pihak berkenaan telah berjaya menyelesaikan punca wabak denggi apabila takungan air tersebut telah diubati dengan sewajarnya," ujarnya pada sesi lawatan khas tersebit di sini baru-baru ini.

Turut serta, Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Jusni Ismail, pegawai-pegawai Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Jabatan Kesihatan Negeri.

Menurut Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, notis akan diberikan kepada pemilik bangunan berkenaan untuk tujuan pembersihan premis.

"Kita juga akan mengambil tindakan seperti digariskan pihak Jabatan Kesihatan terhadap pemilik-pemilik premis yang didapati 'memiliki' lokasi pembiakan nyamuk aedes," tegas beliau.

Serentak itu, Afif turut meninjau lokasi berhampiran yang dipercayai dijadikan tempat pembuangan sampah haram yang secara tidak langsung turut menjadi faktor penyumbang.

"Sekurang-kurangnya 118 lokasi telah dikenalpasti sebagai tempat pembuangan sampah haram di seluruh Seberang Perai.

"Angka ini amat mengejutkan kerana masih ramai yang tidak menggunakan tempat disediakan MPSP, sebaliknya memilih untuk membuang sampah di lokasi tidak sepatutnya.

"Saya harap penduduk setempat dapat menjadi mata-mata untuk pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi menangani masalah ini dengan melaporkan kepada MPSP dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) sekiranya ternampak tindakan tidak bertanggungjawab ini," seru Afif.

## Pelajar terpilih terima pensel sumbangan korporat


PROF. Dr. P. Ramasamy (enam dari kiri) bergambar kenangan dengan wakil-wakil sekolah yang menerima sumbangan pensel pada majlis khas di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** – Seramai 1,346 murid dari 10 sekolah Tamil terpilih menerima sumbangan 15,000 batang pensel hasil sumbangan syarikat korporat, *JCI Pearl* dan ahli korporat, Datuk M. Supiah di sini baru-baru ini.

Menurut wakil *JCI Pearl,* Benson Wong berkata, sumbangan tersebut adalah bagi meringankan bebanan kewangan ditanggung keluarga kurang mampu di sekolah-sekolah berkenaan.

"Murid-murid yang menerima sumbangan ini terdiri daripada keluarga kurang berkemampuan ataupun mempunyai tanggungan anak yang ramai," ujarnya pada Majlis Penyampaian Sumbangan Pensel Kepada Pelajar-pelajar Dari 10 Sekolah Tamil Terpilih di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis adalah Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy.

Menurut Ramasamy, beliau berharap sumbangan berkenaan mampu membantu murid-murid dalam pembelajaran masing-masing.

"Walaupun sumbangan ini tidaklah begitu besar nilainya, tetapi bagi keluarga kurang berkemampuan, ia adalah amat bermakna.

"Sumbangan ini diharapkan dapat meringankan beban mereka dan pada masa sama menyuntik semangat para pelajar untuk terus mengejar ilmu," nyatanya.

Dalam pada itu, beliau yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan dan Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi berharap lebih banyak lagi badan-badan korporat lain tampil menghulurkan sumbangan terutama terhadap pembangunan sekolah-sekolah Tamil di Pulau Pinang.



AKSI Shane Granger dan Meggi Macoun di atas kapal layar Vega yang berlabuh di perairan Pulau Pinang baru-baru ini.

## Vega singgah kumpul sumbangan misi kemanusiaan

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Kapal layar Norway, Vega yang terlibat dalam misi kemanusiaan di Indonesia sejak 10 tahun lalu iaitu selepas tragedi tsunami, buat julung kali singgah di perairan Pulau Pinang baru-baru ini.

Persinggahan tersebut adalah bagi mengumpul seberapa banyak sumbangan untuk dibawa sepanjang misi kemanusiaan tersebut selain di Pulau Langkawi, Kedah dan Singapura.

Pemilik yang juga kapten kapal, Shane Granger ketika ditemui berkata, matlamat misi kemanusiaan tersebut adalah bagi membantu penduduk di wilayah timur Republik Indonesia sama ada melalui pemberian bantuan perubatan, peralatan dapur, makanan, alat tulis atau permainan.

"Vega berusia 122 tahun yang sebelum ini adalah sebuah kapal dagang melambangkan kekuatan dalam mengharungi samudera dan kepedulian membantu mereka memerlukan.

"Inilah semangat saya dan isteri (Meggi Macoun) pegang sehingga kini untuk menghulurkan bantuan terutama kepada penduduk di pulau-pulau terpencil di wilayah timur Republik Indonesia," ujarnya ketika ditemui pada sesi lawatan khas Pertubuhan Wanita Pulau Pinang di sini baru- baru ini.

Hadir mengetuai lawatan tersebut adalah Presiden pertubuhan yang juga isteri kepada Ketua Menteri Pulau Pinang, Betty Chew Gek Cheng.

Serentak itu, lawatan ke kapal tersebut turut dibuka kepada orang ramai.

Tambah Granger, Vega merupakan salah satu kapal yang masih meneruskan bantuan kemanusiaan ke Republik Indonesia sejak 10 tahun lalu iaitu kali pertama selepas tragedi tsunami.

"Persinggahan ini adalah kali pertama di Pulau Pinang.

"Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Pertubuhan Wanita Pulau Pinang dan pusat membeli-belah Straits Quay yang telah menjayakan misi kemanusiaan selama 10 hari di sini," jelasnya.


MEGGI Macoun bersama-sama para pelajar di Indonesia. *(Sumber : Facebook Historic Vessel Vega).*

# Zairil naik pangkat Pengarah Eksekutif PI

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Doktor Falsafah (PhD) jurusan Kewangan dan Ekonomi Universiti Cambridge, Dr. Lim Kim Hwa dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) baru badan pemikir Kerajaan Negeri, *Penang Institute* (PI) berkuatkuasa 22 Mac lalu di sini.

Lantikan Kim Hwa, 38, yang juga memiliki sijil kelayakan *Chartered Account* dan pernah dinobat sebagai pelajar terbaik Sekolah Tinggi Chung Ling, Air Itam adalah bagi menggantikan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari yang dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Eksekutif badan berkenaan.

Pengumuman lantikan tersebut disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng selaku Pengerusi PI pada majlis sidang media khas di sini baru-baru ini.

Menurut Kim Hwa, beliau mengucapkan terima kasih di atas lantikan tersebut dan menyatakan kesediaan untuk memikul amanah dipertanggungjawabkan sambil mengangkat matlamat PI.

"Saya berhasrat menjadikan PI sebagai salah sebuah institut pemikir terbaik di Malaysia dengan mengetengahkan idea-idea terbaik bagi merealisasikan sebuah impian kepada realiti dalam usaha memajukan negeri ini.

"Malah, saya turut menerima tugasan ini atas rasa tanggungjawab sebagai anak jati Pulau Pinang dan tidak akan berkata 'tidak' kepada tawaran menarik dikemukakan kepada diri saya," ujarnya.

Dalam pada itu, Zairil ketika ditemui turut mengucapkan terima kasih kepada PI dan Kerajaan Negeri sepanjang tempoh dua tahun perkhidmatannya sebagai CEO.

"Saya (sebagai Pengarah Eksekutif) akan terus memfokuskan beberapa perkara dasar berkaitan isu nasional dan negeri.

"Malah, kajian dasar mengenai perumahan, pengangkutan, pendidikan, ekonomi, kesedaran awam serta cukai barangan dan perkhidmatan (GST) akan diteruskan bagi memberi gambaran sebenar kepada penduduk negeri khususnya.

"Saya akan memikul tugasan ini dalam memastikan PI terus utuh untuk mencapai matlamat dalam membantu Kerajaan Negeri dan khususnya rakyat negeri Pulau Pinang sendiri," tambah beliau.



KETUA Menteri berjabat tangan dengan Dr. Lim Kim Hwa (kanan sekali) sambil diperhatikan Zairil Khir Johari pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

## P. Ramlee sejuta jiwa, seribu watak – Salleh Man

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA –** Kritikan sosial Allahyarham Tan Sri P. Ramlee melalui hasilan karya-karyanya yang dianggap terus hidup sampai sekarang mungkin salah satu punca jiwa seniman agung itu tidak mati dimamah zaman.

Timbalan Pengarah Lembaga Perpustakaan Awam Pulau Pinang, Datuk Mohd. Salleh Man berkata demikian pada perasmian Majlis Tan Sri P. Ramlee Dalam Kenangan dekat Perpustakaan Negeri di sini baru-baru ini.

"Nak mencari seorang seniman sejuta jiwa seperti Allahyarham Tan Sri P. Ramlee sangat sukar kerana wataknya walaupun dalam filem, seakan terus hidup dan mengkritik sosial masyarakat kita sehingga hari ini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir pada majlis berkenaan di sini baru-baru ini.



MOHD. Salleh Man menyampaikan ucapan serta merasmikan keraian Tan Sri P. Ramlee Dalam Kenangan di sini baru-baru ini.

Ahli Lembaga Pengarah PPAPP, Datuk Dr. Anuar Hamid turut berucap pada majlis perasmian itu.

Hadir sama, Pengerusi Kelab Peminat P. Ramlee Pulau Pinang (KPPRPP) merangkap Presiden Persatuan Melayu Pulau Pinang (Pemenang), Datuk Seri Mohd. Yussof Latiff, Siri Neng Buah (budayawan yang juga dikenali sebagai Tok Dalang wayang kulit Siam Kelantan), Dr. Mahyuddin Ahmad (Ahli Akademik dari Universiti Sains Malaysia, USM) dan penulis terkenal, Hasan Baseri Budiman.

Mohd. Yussof pada Sesi Bual Bicara turut menganggap P. Ramlee sebagai 'seniman sejuta jiwa', sebagaimana diungkapkan Mohd. Salleh.

"Saya juga cukup hairan Allahyarham Tan Sri P. Ramlee ini mempunyai sejuta jiwa seribu watak yang sehingga hari ini kita merasai beliau masih hidup jika menonton filem-filemnya.

"Kalau dia masih hidup pada ketika ini, dia kena tiup 85 batang lilin pada kek (kerana usianya 85 tahun)," cuit beliau sambil menceritakan mengenai watak P. Ramlee.

Mohd. Yussof turut mencadangkan P. Ramlee dimahsyurkan sebagai Tokoh Perpaduan Nasional memandangkan mesej-mesej perpaduan antara kaum sangat jelas dibawa dalam filem-filem hasilan seniman agung tersebut.

Manakala, Siri Neng Buah pula mendedahkan bahawa kebanyakan dipaparkan dalam filem P. Ramlee itu adalah watak sebenar yang hidup pada zamannya.

Persembahan Drama Sebabak Filem Tan Sri P. Ramlee, nyanyian lagu-lagu hasilan P, Ramlee serta pertandingan mewarna melibatkan kanak-kanak merupakan antara acara samping menarik sepanjang majlis memperingati seniman agung kelahiran Pulau Pinang itu.

## Penswastaan PPSB melanun harta rakyat - KM

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang atau lebih dikenali sebagai Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) secara misteri di bawah tender terhad menimbulkan persoalan serius mengenai kepentingan awam, kebertanggungjawaban dan ketelusan, kata Ketua Menteri. Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng melalui kenyataan medianya baru-baru ini di sini.

Ini adalah berikutan pendedahan jawapan bertulis kepada soalan Parlimen Guan Eng daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Sri Abdul Wahid Omar yang menyatakan bahawa pembida yang berjaya, Seaport Terminal (Johor) Sdn. Bhd. telah dimuktamadkan dalam perjanjian tambahan pada 23 November 2013.

Guan Eng berkata, penswastaan tersebut dilihat sebagai satu lagi tindakan melanun harta rakyat.

"Penwastaan ini akan dilihat sebagai satu lagi tindakan melanun harta rakyat sebagaimana dilakukan syarikat konsensi tol lebuh raya.

"Melainkan pengumuman penuh dibuat oleh Kementerian Pengangkutan.

"Walaupun penswastaan ini bermanfaat kepada kepentingan awam, keengganan Kementerian Pengangkutan untuk membuat sebarang penjelasan jelas memperlihatkan keangkuhan, kerahsiaan dan salah urus merangkumi etos Barisan Nasional (BN) yang penuh dengan pilih kasih, politik dan konspirasi," ujarnya baru-baru ini di sini.

Sebelum itu, pada majlis sidang media di sini, Guan Eng memaklumkan turut menerima sepucuk surat berhubung penswastaan tersebut.

"Seharusnya perkara ini diumumkan Kerajaan Pusat dan Kementerian Pengangkutan dan bukan hanya dimaklumkan melalui sepucuk surat sahaja.

"Sesiapa sahaja boleh membuat tuntutan begini.

"Kita (Pulau Pinang) harap Kerajaan Persekutuan dan Kementerian Pengangkutan dapat menjelaskan situasi sebenar yang berlaku," tegas beliau.

# Industri pelancongan tidak terjejas – KM

**BAYAN LEPAS –** Kerajaan Negeri percaya bahawa insiden MH370 yang majoritinya membabitkan warganegara China tidak akan menjejaskan industri pelancongan negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan demikian kerana Pulau Pinang tidak menerima jumlah pelancong China yang ramai berbanding (pelancong) dari negara-negara lain.

Walaupun begitu situasinya, beliau berharap pasaran kemasukan pelancong China ke negeri ini akan terus berkembang.

"Saya tidak rasa Pulau Pinang akan menerima impak besar, sekiranya terdapat kesan negatif (penurunan kadar pelancong China), saya berharap ia hanya dalam tempoh jangka masa pendek.

"Ini adalah kerana Pulau Pinang merupakan lokasi pelancongan yang menarik,'' katanya pada majlis sidang akhbar selepas merasmikan penerbangan *Dragonair* dari Pulau Pinang ke Hong Kong di sini baru-baru ini.

Guan Eng berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kesan kejadian yang menimpa MH370 pada 8 Mac lalu kepada industri pelancongan tempatan apabila majoriti penumpang pesawat berkenaan adalah warganegara China.

Kegagalan menemui pesawat tersebut dipercayai telah mencetuskan kemarahan dalam kalangan warganegara China yang mendakwa bahawa Kerajaan Malaysia 'menyimpan' maklumat dalam usaha menjejaki kapal terbang MH370.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah Ketua Pegawai Eksekutif Dragonair, Patrick Yeung.

*Dragonair* merupakan anak syarikat syarikat penerbangan *Cathay Pacific* yang menyediakan 10 penerbangan secara terus dari Pulau Pinang ke Hong Kong setiap hari.

Bagi maklumat lanjut, layari laman sesawang " *www.dragonair.com.my* .



**ANAK-anak kapal *Dragonair* memeriksa dokumen perjalanan salah seorang penumpang selepas selesainya Majlis Perasmian Penerbangan Dragonair dari Pulau Pinang ke Hong Kong di sini baru-baru ini.**

## Larian amal bantu golongan perlu & anak yatim

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA –** Seramai 130 peserta menjayakan program Larian Amal Sempena Hari Buah Pinggang Sedunia 2014 yang bertujuan mengumpul dana bagi membantu golongan kurang bernasib baik dan anak-anak yatim di sini baru-baru ini.

Turut serta dalam program anjuran Hospital Pakar KPJ Pulau Pinang (KPJ) dengan usahasama bersama syarikat minuman, *Sunquick* dan *National Kidney Foundation* (NKF) tersebut adalah Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Acara utama program tersebut adalah larian amal sejauh tujuh kilometer bermula dari perkarangan Hospital KPJ.

Afif ketika memberikan ucapan perasmiannya berkata, beliau berasa bertuah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya ekoran terdapat dua hospital di kawasan tersebut yang mana bersesuaian dengan portfolio beliau.

"Dengan adanya dua buah hospital di kawasan ini (Seberang Jaya), diharap penduduk sekitar boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang lebih berkualiti," katanya di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif KPJ, Abdul Aziz Abdul Rahman, Dr. R. Padmanathan (Pengarah Perubatan KPJ), Ong Mooi Seok (Ketua Pegawai Jururawat KPJ) dan Rosli Hamid (Pengurus Operasi KPJ).

Di penghujung program, para peserta diberikan sijil penyertaan dan juga keistimewaan menikmati diskaun 20 peratus untuk pemeriksaan kesihatan eksekutif di KPJ.

Dalam pada itu, Afif turut menggesa para penduduk di negeri ini agar sentiasa menjalankan aktiviti sihat memandangkan Kerajaan Negeri sangat komited dengan program sebegini kini.

"Saya berharap agar rakyat negeri ini dapat bersama-sama menjalankan aktiviti sebegini memandangkan Kerajaan Negeri telah banyak menyediakan lokasi serta fasiliti riadah untuk orang awam di sini," ujar beliau.




**SEBAHAGIAN peserta yang menyertai program Larian Amal Sempena Hari Buah Pinggang Sedunia 2014 di sini baru-baru ini.**

## ADUN pohon panjang tempoh pameran STP 2

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Jawatankuasa Perhubungan Parlimen Bukit Bendera memohon pemaju Projek Mega Seri Tanjung Pinang II (STP 2) di *Straits Quay* supaya memanjangkan tempoh pameran umum projek berkenaan ekoran maklum balas dingin yang diberikan sebelum ini di sini.



**TEH Yee Cheu menjelaskan pelan projek STP 2 pada satu sidang media di sini baru-baru ini.**

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga, Teh Yee Cheu yang mewakili jawatankuasa tersebut memberitahu, lanjutan tempoh itu adalah penting bagi memperoleh gambaran lebih jelas mengenai status projek yang dibimbangi akan sedikit sebanyak 'mengganggu' alam sekitar.

"Antara sebab pameran ini diminta untuk dipanjangkan adalah berikutan pameran yang berakhir pada 7 Mac lalu mendapat sambutan sangat minima daripada penduduk.

"Turut dituntut adalah Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) yang sepatutnya dibentangkan kepada umum bagi mengenalpasti impak menyeluruh STP 2 kepada kawasan persekitaran,'' katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Tambah Yee Cheu, sebagai tindakan lanjut, beliau telah mengutus sepucuk surat kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pusat pada 13 Mac lalu berhubung perkara berkenaan.

Dalam pada itu, turut dibangkitkan adalah kebimbangan beliau terhadap hutan paya bakau yang dipercayai bakal 'lenyap' dan digantikan dengan taman baru di atas tapak projek berkeluasan 740 ekar tersebut.

# Program pembangunan modal insan Zakat Pulau Pinang

Oleh: **KHAIROL AZHAR ZULKIFLI**
**Ketua Bahagian Perhubungan Korporat Promosi, Zakat Pulau Pinang.**


SUKAN Tahunan penghuni Inapan kasih Sayang ZPP.

**PEMBANGUNAN** modal insan yang berkualiti sangat penting bagi menangani kemiskinan, dan membentuk masyarakat Islam yang berkualiti. Tanpa pendidikan tidak mungkin manusia boleh membina tamadun. Malahan dalam konteks dunia masa kini, tanpa pendidikan atau ilmu, manusia akan tenggelam hanyut dalam kepesatan arus kemajuan dunia yang semakin deras. Kita semua mahu mencorak anak-anak kita dengan corak yang baik dan mahu anak-anak menjadi seorang manusia Muslim yang berkualiti. Muslim yang bukan sahaja hebat dengan ilmu-ilmu dunia tetapi di masa yang sama turut cemerlang dengan ilmu-ilmu akhirat yang bersumberkan Al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW. Inilah generasi keturunan yang mahu kita tinggalkan di dunia ini selepas kita tiada nanti.

Saban tahun, Zakat Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang sentiasa meningkatkan usaha bagi melaksanakan amanah memenuhi segala keperluan asnaf di Pulau Pinang. Alhamdulillah, dengan sokongan para pembayar zakat yang setia menunaikan zakat di Zakat Pulau Pinang, usaha penyampaian agihan zakat terus diperkasa serta dimantapkan demi membela para asnaf. Kutipan zakat tahunan yang sentiasa bertambah telah membolehkan Zakat Pulau Pinang memenuhi keperluan asnaf yang lebih ramai lagi, dengan nilai bantuan yang lebih tinggi berbanding tahun-tahun sebelum ini dan kami di Zakat Pulau Pinang terus mempertingkatkan lagi usaha pelaksanaan agihan agar lebih diyakini masyarakat.

Sabda Nabi SAW dalam sebuah hadis riwayat Imam Ahmad, **“Hendaklah setiap orang Islam itu bersedekah, jika dia tidak dapat berbuat demikian, maka hendaklah dia berusaha sendiri (bekerja) yang dapat memberi faedah kepada dirinya sendiri dan dengan yang demikian dia dapat bersedekah.”**


LULUSAN KITAB (Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang).


PENGHUNI Inapan Kasih Sayang ZPP.

Kita juga disarankan untuk turut sama-sama berusaha untuk meningkatkan pendapatan ekonomi diri dan keluarga. Semoga kita mampu keluar daripada kesulitan yang dirasai pada hari ini kepada kehidupan yang lebih berkualiti pada masa akan datang, seterusnya menjadi seorang pembayar zakat yang menyumbang dan mengukir senyuman di wajah para asnaf pula.

Firman Allah: **“Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu, sehinggalah mereka sendiri yang berusaha mengubah apa yang ada pada diri mereka.” (Ar-Raa’du: 11)**

Untuk makluman pembaca, Alhamdulillah sepanjang tahun 2013, Zakat Pulau Pinang telah mengagihkan sebanyak RM 14.1 juta untuk Pendidikan Asnaf di Pulau Pinang dengan bilangan penerima seramai 8,371 orang. Untuk pendidikan persekolahan Zakat Pulau Pinang telah mengagihkan sebanyak RM 1.8 juta manakala sebanyak RM3.5 juta daripadanya untuk pelajar melanjutkan pelajaran ke IPT dalam dan luar negara. Diantara program agihan zakat yang berjaya membantu para pelajar di Pulau Pinang adalah seperti **Mutiara PDCA untuk pelajar sekolah rendah dan menengah, bantuan pendidikan IPT Dalam dan Luar Negara, bantuan permulaan Ke IPT dalam dan luar negara, bantuan awal persekolahan, bantuan pakaian seragam sekolah, biasiswa pelajar Sekolah Menengah Agama Islam (SMAI), pengurusan Kompleks Inapan Kasih Sayang (IKS), pembiayaan pelajar tahfiz di Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB), Kem Bina Sahsiah Smart Caliph Camps, prepclass** dan lain- lain lagi.

Zakat Pulau Pinang mengucapkan terima kasih kepada para pembayar zakat atas kepercayaan yang telah diberikan selama ini. Teruskanlah bersama Zakat Pulau Pinang membela asnaf yang memerlukan. Zakat dibayar asnaf terbela.


ZPP bersama Program 'Mutiara PDCA' untuk pelajar sekolah.

# P. Ramlee sebagai ikon perpaduan negara

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**AIR ITAM –** Perjuangan seni Allahyarham Tan Sri P. Ramlee adalah simbol perpaduan sejagat yang wajar diteladani dan dijadikan inspirasi generasi muda kini, kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sempena Majlis Penutupan Rasmi Festival P. Ramlee Pulau Pinang ke-2 di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, keupayaan seniman agung itu bukan sahaja menyumbang kepada industri seni muzik dan filem tanah air, malah karyanya yang bersifat sejagat mengandungi kepelbagaian budaya masyarakat di Malaysia.

"Kekuatan hasil karya Allahyarham Tan Sri P. Ramlee tiada tolok bandingannya hingga ke hari ini.

"Justeru, saya menyambut baik cadangan Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG) untuk mengangkat P. Ramlee sebagai ikon perpaduan negara yang amat dikenali oleh semua lapisan masyarakat dan kaum," ujarnya.

Festival P. Ramlee Pulau Pinang ke-2 selama tiga hari adalah kesinambungan kejayaan penganjuran tahun 2013. Antara pengisian penganjuran adalah wayang pacak, senamrobik versi P. Ramlee dan Saloma, Forum Nusantara dan tiru gaya P. Ramlee.

Malah, pemilihan penganjuran pada bulan Mac tahun ini adalah sempena meraikan kelahiran seniman agung ulung negara berkenaan.

Festival P. Ramlee anjuran *Penang Institute* (PI) turut dijayakan dengan kerjasama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Air Itam, Persatuan Sahabat Belia Pulau Pinang dan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang.

Hadir sama, Pengarah Eksekutif PI, Zairil Khir Johari, Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim dan ADUN Air Itam, Wong Hon Wai.



**ZAIRIL Khir Johari (dua dari kanan) sambil ditemani Wong Hon Wai menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang sempena penganjuran Festival P. Ramlee Pulau Pinang ke-2 di sini baru-baru ini.**



**ANTARA peserta akhir yang berentap dalam Pertandingan Karaoke Lagu P. Ramlee dan Saloma.**

Menurut Guan Eng, penganjuran festival tersebut adalah bukti bahawa P. Ramlee adalah lagenda yang sentiasa hidup dalam hati genarasi muda walaupun setelah 41 tahun pemergiannya.

"Saya berharap dengan adanya inisiatif sebegini, maka kita boleh lahirkan seorang lagi P. Ramlee di Pulau Pinang kerana kita perlu lebih ramai lagi seperti beliau," serunya.

Dalam pada itu, Zairil yang juga Ahli Parlimen Bukit Bendera menyatakan bahawa karya seni P. Ramlee yang bersifat polemik, masih lagi relevan sehingga ke hari ini dan dijadikan rujukan untuk perkembangan ilmu dan kebudayaan serantau.

Malah, beliau turut bersyukur dengan penglibatan masyarakat sekitar dalam menjayakan penganjuran berkenaan.

"Penduduk Kampung Melayu cukup '*sporting*' dan bertungkus lumus menjayakan festival ini, tahniah dan terima kasih kepada semua," ujar Zairil yang turut meraikan festival bersama penduduk di sini.

## BAHAGIAN PERUMAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG.

## SENARAI LOT-LOT BUMIPUTERA UNTUK DIJUAL

| BIL | NAMA PEMAJU | LOKASI | NAMA PROJEK | JENIS PEMAJUAN | HARGA SEUNIT | HARGA SELEPAS POTONGAN 5% | BAKI UNIT KUOTA BUMIPUTERA | PEGAWAI PERHUBUNGAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **Seni Wangsa Sdn. Bhd.**<br>4272 (1st Floor)<br>Jalan Kampung Benggali<br>12200 Butterworth<br>No. Tel : 04 5384898<br>No. Fax : 04 5385848 | Di Atas Lot 419, Seksyen 2,<br>Jalan Berapit, Bukit Mertajam,<br>Seberang Perai Tengah,<br>Pulau Pinang. | Taman Serumpun | Kedai 2 Tingkat<br>Kedai 3 Tingkat<br>Teres 2 Tingkat | RM528,000.00<br>RM758,000.00<br>RM388,000.00 - RM500,000.00 | RM501,600.00<br>RM720,000.00<br>RM368,600.00 - RM475,000.00 | 2<br>1<br>2 | Ng Thar Haw |
| 2. | **Venn Properties Sdn. Bhd.**<br>No. 38, Abu Siti Lane<br>10400 Pulau Pinang<br>No. Tel : 04 2270766<br>No. Fax : 04 2289332 | Di Atas Lot 389, Mukim F,<br>Lebuh Sungai Burung 3,<br>Balik Pulau,<br>Daerah Barat Daya<br>Pulau Pinang. | - | Rumah Berkembar 2 Tingkat | RM620,000.00 - RM1,029,000.00 | RM589,000.00 - RM977,550.00 | 2 | Naiyarat Luenan Thapong |
| 3. | **TPPT Sdn. Bhd.**<br>Tingkat 7 & 8, Dataran Kewangan Darul Takaful<br>Jalan Sultan Sulaiman<br>50000 Kuala Lumpur<br>No. Tel : 03 22742277<br>No. Fax : 03 22735185 | Di Atas Lot 1499 – 1529,<br>Mukim 11,<br>Jalan Teluk Kumbar<br>Daerah Barat Daya<br>Pulau Pinang. | Teluk Kumbar Heights | Kedai Pejabat | RM1,760,000.00 - RM4,566,000.00 | RM1,672,000.00 - RM4,337,700.00 | 3 | Khoo May Ling |
| 4. | **PLB KH Bina Sdn. Bhd.**<br>1320 Jalan Baru,<br>Taman Chai Leng<br>13700 Perai<br>Pulau Pinang.<br>No. Tel : 04 3900799<br>No. Fax : 04 3900599 | Di Atas Lot 8272,<br>Mukim 11, Juru,<br>Seberang Perai Tengah<br>Pulau Pinang. | PLB Juru Light Industrial Park | Industri Ringan / Kilang Berkembar | RM1,540,100.00 - RM3,426,900.00 | RM1,463,095.00 - RM3,255,555.00 | 3 | Azizah binti Abdul Aziz |
| 5. | **Adept Development Sdn. Bhd.**<br>No. 2 & 3, 1st Floor,<br>Jalan Permatang Gedung<br>Taman Sejati Indah<br>08000 Sungai Petani<br>Kedah<br>No. Tel : 04 4316688<br>No. Fax : 04 4310088 | Di Atas Lot 550, Mukim 7,<br>Nibong Tebal<br>Seberang Perai Selatan<br>Pulau Pinang. | Taman Ilmu Indah – Fasa 1 | Teres 2 Tingkat<br>Kedai Pejabat 2 Tingkat | RM238,000.00 - RM320,000.00<br>RM418,000.00 - RM566,320.00 | RM226,100.00 - RM304,000.00<br>RM397,100.00 - RM538,004.00 | 8<br>1 | Azri bin Che Ani |
| 6. | **Iconic Development Sdn. Bhd.**<br>70-1-30, D'Piazza Mall<br>Jalan Mahsuri<br>Bandar Bayan Baru<br>11900 Pulau Pinang<br>No. Tel : 04 6431999<br>No. Fax : 04 6431777 | Di Atas Lot 50106<br>(Lot Lama 560)<br>Mukim 11, Jalan Icon City<br>Seberang Perai Tengah<br>Pulau Pinang. | Pusat Perniagaan Icon City | Kedai Berkembar 3 Tingkat | RM1,650,000.00 - RM4,638,000.00 | RM1,567,500.00 - RM4,406,100.00 | 10 | Jason Chung Wei Chiun |
| 7. | **Tropical Hill Property Sdn. Bhd.**<br>Level 3, Corporate House<br>No.1 Halaman Melaka<br>10400 Georgetown<br>Pulau Pinang.<br>No. Tel : 04 2263388<br>No. Fax : 04 2285999 | Di Atas Lot 524 & 525, Mukim 11,<br>Jalan Teluk Kumbar, Bayan Lepas<br>Daerah Barat Daya<br>Pulau Pinang. | Pavilion Resort | Pangsapuri Kos Rendah | RM472,640.00 - RM690,021.00 | RM449,008.00 - RM655,519.95 | 21 | Loh Hooi Koon |

*(sambungan di muka 11)*

**Ucapan pembukaan Pengarah Eksekutif Penang Institute merangkap Ahli Parlimen Bukit Bendera, ZAIRIL KHIR JOHARI dalam Forum Nusantara ke-8 yang bertajuk "Satira Dalam Filem Melayu" sempena Festival P. Ramlee 2014 anjuran *Penang Institute.***

# Kritikan sosial dalam filem P Ramlee

Oleh: **HARIS ZUAN**

**KOMEDI** adalah salah satu tema besar, jika tidak yang paling utama, dalam karya Seniman Agung P Ramlee. Daripada *Bujang Lapok* (1957) sehinggalah filem terakhirnya, *Laksamana Do Re Mi* (1972), ramai dalam kalangan kita masih boleh ketawa pada adegan lucu yang sama, meskipun sudah berulang-kali menontonnya.

Walaupun tidak kurang bilangan filem komedi Melayu sekarang yang cuba menyalin kembali lawak-lawak P Ramlee, namun saya pasti kita semua bersetuju bahawa P Ramlee itu tiada galang gantinya.

Malam ini, sempena Festival P Ramlee Pulau Pinang 2014, Penang Institute bangga untuk menganjurkan sebuah lagi Forum Nusantara, yang kali ini bertajuk "Satira Dalam Filem Melayu." Bagi mewacanakan unsur komedi dalam filem-filem tempatan dan P Ramlee secara khusus, kami telah mendatangkan sebagai panelis tokoh-tokoh seni tempatan seperti Hassan Mutalib, seorang pensyarah filem di UiTM serta pengasas animasi di Malaysia. Turut serta adalah Disman yang merupakan pengarah teater absurd di Kuala Lumpur, serta Abu Mamu Raja Lawak, iaitu seorang bintang yang tidak asing lagi di Pulau Pinang. Pengerusi forum pada malam ini pula ialah Dr Mahyuddin Ahmad daripada USM.

Kawan-kawan sekalian,

Saya bukanlah orang yang arif untuk membincangkan soal filem tetapi sebagaimana kalian semua, saya adalah peminat filem P Ramlee.

Saya melihat sesuatu yang menarik dalam karya Seniman Agung kita, termasuk filem komedi beliau, adalah kritikan sosial yang tersirat dalam jalan ceritanya. Lihat sahaja kisah dalam *Bujang Lapok* (1957) yang berlatarbelakangkan zaman selepas perang, dengan suasana mendesak dan perit namun penuh dengan harapan.

Filem tersebut menggambarkan bagaimana terhimpitnya kehidupan selepas perang sehingga ramai yang licik mengambil kesempatan. Dalam satu adegan, watak Ramli telah ditipu setelah meminjamkan RM10 kepada seorang wanita bernama Nani yang kononnya mahu pulang ke rumah untuk mengambil kad pengenalannya yang tertinggal. Dalam adegan lain, tabiat berjudi seorang bapa hampir mendorong anaknya, Sapiah, untuk membunuh diri. Dalam satu lagi adegan, Ramli sekali lagi kena tipu dengan seorang wanita dan "adik-adiknya" seramai 11 orang sehinggakan Ramlee kehilangan baju dan seluar akibat tidak mampu membayar tauke restoran. Jangan marah.

Namun, P Ramlee tidak pernah menghukum watak-watak yang penuh muslihat ini, malah beliau menzahirkan perasaan simpati terhadap mereka. Barangkali, beliau sedar bahawa orang miskin hanya berbuat jahat apabila kehidupan kian terdesak.

Sebaliknya, P Ramlee tidak begitu baik hati dengan watak yang mewakili golongan kaya dan berkuasa, khususnya apabila mereka menindas si miskin. Sebagai contoh, sementara bapa Sapiah yang giat berjudi itu akhirnya insaf dan meminta maaf dengan anaknya, lintah darat lakonan Shariff Dol yang tergamak



ZAIRIL Khir Johari ketika menyampaikan ucapan dalam Forum Nusantara ke-8 yang bertajuk "Satira Dalam Filem Melayu" sempena Festival P. Ramlee 2014 anjuran *Penang Institute* baru-baru ini.

mahu memperkosa Sapiah atas ketidakmampuan bapanya untuk membayar hutang judi pula dipukul teruk.

Pun begitu, jangan pula kita lekas terjun kepada kesimpulan bahawa P Ramlee itu seorang yang anti-kelas atasan atau bermusuh dengan orang kaya. Dalam filem yang sama, *Bujang Lapok*, Ramli akhirnya "kena ekor" apabila menikahi Cik Normah, iaitu seorang tuan rumah yang kaya. Malah, watak Cik Normah dibayangkan sebagai wanita yang terhormat sehingga menjadi perantara bagi membaiki hubungan antara keluarga Zaiton dan Sudin.

Demikianlah, P Ramlee membentangkan kepada kita berkenaan kehidupan selepas perang di saat baru Merdeka – penuh derita tetapi tetap sarat dengan belas kasihan dan harapan. Tambah menarik, kisah mengenai kesusahan hidup diangkat melalui filem komedi yang bersahaja sehingga kita ikut tertawa melupakan keperitan.

Itulah serba sedikit pandangan saya sebagai peminat filem P Ramlee. Sudah tentu, panelis kita pada malam ini akan memberi pengulasan yang lebih mendalam serta perspektif yang lebih menarik untuk diwacanakan bersama. Semoga perbincangan malam ini akan menyumbang kepada usaha untuk membina semula tradisi keintelektualan dan pemikiran kritis dalam kalangan masyarakat kita.

Sekian, terima kasih dan selamat berforum.

| | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 8. | **Midas Ceria Sdn. Bhd.**<br>Lot 30 Persiaran Relau<br>Bayan Baru<br>11900 Pulau Pinang<br>No. Tel : 1700 818 932<br>No. Fax : 04 6467932 | Di Atas Lot 12040, Mukim 12,<br>Persiaran Bayan Indah,<br>Sungai Nibong<br>Daerah Barat Daya<br>Pulau Pinang. | Summerton | Komersial<br><br>Kedai Pejabat | RM309,300.00 -<br>RM1,431,600.00<br><br>RM434,004.00 -<br>RM1,598,879.00 | RM293,835.00 -<br>RM1,360,000.00<br><br>RM412,304.00 -<br>RM1,518,935.00 | 85<br><br>15 | Ng Kok Kheng |
| 9. | **Zuwen Bina Sdn. Bhd.**<br>86, 2nd Floor, Lorong Kota<br>Permai 11<br>Taman Kota Permai<br>14000 Bukit Mertajam<br>No. Tel : 04 5021172<br>No. Fax : 04 5021171 | Di Atas Lot 17710-17739<br>(Lot Lama 1228) Mukim 14<br>Jalan Bukit Minyak<br>Seberang Perai Tengah<br>Pulau Pinang. | Taman Seri Permai | Rumah Berkembar<br>2 Tingkat<br><br>Rumah Berkembar<br>2 Tingkat | RM425,000.00 -<br>RM456,000.00<br><br>RM788,000.00 | RM403,750.00 -<br>RM433,200.00<br><br>RM748,600.00 | 11<br><br>1 | - |
| 10. | **Bukit Punchor Dev. Sdn. Bhd.**<br>73A & B Jalan Perai Jaya 3<br>Bandar Perai Jaya<br>13600 Perai<br>Pulau Pinang.<br>No. Tel : 04 3901116<br>No. Fax : 04 3901117 | Di Atas Lot PT 4862-4876,<br>Mukim 7,<br>Seberang Perai Selatan<br>Pulau Pinang. | Taman Bukit Panchor | Rumah Kedai<br>2 Tingkat | RM498,000.00 | RM473,100.00 | 5 | Chen Tai Kwee |
| 11. | **Devoteshens Sdn. Bhd.**<br>1-03-04 e-Gate Lebuh Tunku Kudin 2<br>11700 Gelugor<br>Pulau Pinang.<br>No. Tel : 04 5021172<br>No. Fax : 04 5021171 | Di Atas Lot 570, 806 dan 808,<br>Mukim 11, Jalan Permatang<br>Damar Laut,<br>Daerah Barat Daya<br>Pulau Pinang. | My Sakura 28 | Rumah Berkembar<br>3 Tingkat | RM1,848,000.00 -<br>RM2,368,000.00 | RM1,755,600.00 -<br>RM2,249,600.00 | 8 | Yong Hun Wah |
| 12. | **PLB Land Sdn. Bhd.**<br>1320 Jalan Baru,<br>Taman Chai Leng<br>13700 Perai<br>Pulau Pinang.<br>No. Tel : 04 3900799<br>No. Fax : 04 3900599 | Di Atas Lot 465, Mukim D,<br>Kuala Jalan Baru<br>Daerah Barat Daya<br>Pulau Pinang. | Prestige III | Rumah Teres<br>1 Tingkat<br><br>Rumah Teres<br>2 Tingkat<br><br>Rumah Berkembar<br>2 Tingkat | RM368,000.00 -<br>RM620,700.00<br><br>RM468,000.00 -<br>RM798,000.00<br><br>RM598,000.00 -<br>RM1,090,200.00 | RM349,600.00 -<br>RM589,665.00<br><br>RM444,600.00 -<br>RM758,100.00<br><br>RM568,100.00 -<br>RM1,035,690.00 | 22<br><br>53<br><br>11 | Azizah binti Abdul Aziz |
| 13. | **CSY Development Sdn. Bhd.**<br>4695, Jalan Permatang Pauh<br>13400 Butterworth<br>Pulau Pinang.<br>No. Tel : 04 3236286<br>No. Fax : 04 3233287 | Di Atas Lot 17, 793 dan 794,<br>Mukim 4,<br>Seberang Perai Tengah,<br>Pulau Pinang. | Taman Naluri Ria | Rumah Teres<br>2 Tingkat<br><br>Rumah Berkembar<br>3 Tingkat | RM448,000.00<br><br>RM528,000.00 -<br>RM639,000.00 | RM425,600.00<br><br>RM501,600.00 -<br>RM607,050.00 | 10<br><br>6 | Fok Chee Seong |
| 14. | **Seraimas Bina Sdn. Bhd.**<br>3, 3A & 3B Lebuh Tenggiri 2<br>Pusat Bandar Seberang Jaya<br>13700 Perai<br>No. Tel : 04 3989100<br>No. Fax : 04 3989049 | Di Atas Lot 2216, Mukim 12, Juru,<br>Seberang Perai Tengah,<br>Pulau Pinang. | Park View Residences | Jenis A1 & B1<br><br>Jenis A2 & B2<br><br>Jenis D1<br><br>Jenis D2 & E1 | RM399,000.00 -<br>RM670,000.00<br><br>RM445,000.00 -<br>RM744,000.00<br><br>RM889,000.00 -<br>RM983,000.00<br><br>RM968,700.00 -<br>RM1,238,000.00 | RM379,050.00 -<br>RM636,500.00<br><br>RM422,750.00 -<br>RM706,800.00<br><br>RM844,550.00 -<br>RM933,850.00<br><br>RM920,265.00 -<br>RM1,176,100.00 | 28<br><br>4<br><br>2<br><br>13 | Suraya binti Basir |
| 15. | **Palmex Industries Sdn. Bhd.**<br>302-H-1 Jalan Dato Ismail Hashim<br>11900 Sungai Ara<br>Pulau Pinang.<br>No. Tel : 04 6469022/9023<br>No. Fax : 04 6448623 | Di Atas Lot 200, Mukim 11,<br>Jalan Teluk Kumbar<br>Daerah Barat Daya<br>Pulau Pinang. | D'Zone Condominium | Pangsapuri<br>Kos Sederhana | RM513,800.00 -<br>RM1,251,800.00 | RM488,110.00 -<br>RM1,189,210.00 | 28 | Lim Cheok Leng |

*(sambungan di muka 19)*

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 522 2916<br>(F) 04 - 521 2915 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PAS PENANG HQ** | (T) 04 - 575 5584 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Ridwan Osman<br>ridwan_wan48@yahoo.com | 013-499 5068 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolsani2006@gmail.com | 013-580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>hadiputra78@yahoo.com | 019-437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Arshad Md. Salleh<br>arshad.salleh@yahoo.com | 019-510 2633 |
| **SUNGAI DUA**<br>Zahadi Mohd.<br>zahadi55@yahoo.com | 019-507 3828 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Norhayati Jaafar<br>yatie7119@yahoo.com.my | 019-433 7119 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Mohammad Razak | 013-597 6478 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Asnah Hashim<br>asnah45@hotmail.my | 019-472 6956 |
| **PULAU BETONG**<br>Hj. Mohd Tuah Ismail<br>tuahismail@yahoo.com | 019-570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>abdulhalimhussain@gmail.com | 019-480 9599 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS & AMBULANS | 999 |
| BOMBA | 994 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| PENYELAMAT | 991 |

| | |
|---|---|
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| INFORMASI PENERANGAN | 04-643 0373 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |

| | |
|---|---|
| PUSAT INFO PELANCONG | 04-261 4461 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |

| | |
|---|---|
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| JABATAN BURUH | 04-262 5536 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | : 019 - 409 5922 | - Shukri |
| N2 | Bertam | : 019 - 593 3736 | - Fatimah |
| N3 | Pinang Tunggal | : 017 - 424 9371 | - Tasrin |
| N4 | Permatang Berangan | : 019 - 556 4664 | - R.M. Reza |
| N5 | Sungai Dua | : 013 - 595 6865 | - Rosli Man |
| N6 | Telok Air Tawar | : 019 - 433 7464 | - Mat Zahir |
| N7 | Sungai Puyu | : 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | : 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | : 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | : 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | : 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | - Kamal<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | : 04 - 522 2916 | - Rodzi |
| N13 | Berapit | : 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | : 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | : 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | : 04 - 399 6689 | - Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | : 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | : 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | : 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | : 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | : 012 - 679 4704 | - Yaser |
| N22 | Tanjong Bungah | : 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | - Tina<br>- Hezreen |
| N23 | Air Putih | : 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | : 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | : 017 - 956 3237 | - Quah |
| N26 | Padang Kota | : 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | : 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | : 012 - 423 3227 | - Benji Ang |
| N29 | Datok Keramat | : 017 - 480 7417<br>04 - 226 2464 | - Varinder<br>- Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | : 04 - 282 6630 | - Shuen |
| N31 | Batu Lancang | : 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | : 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | : 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | - Anne<br>- Janet |
| N34 | Paya Terubong | : 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | - Toon Hoon Lee<br>- Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | : 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | : 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | : 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | - Amirulzaman<br>- Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | : 016 - 599 2918 | - Saifullizan |
| N39 | Pulau Betong | : 012 - 422 4935 | - Zulkiflee |
| N40 | Telok Bahang | : 017 - 413 5695 | - Johan |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2014

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| Mohd Shaipol Ismail (DAP) | 012 - 552 4791 |
| Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP) chanderasekeran@mpsp.gov.my | 012 - 5619870 |
| Loh Joo Huat (DAP) jhloh@mpsp.gov.my | 012 - 422 1133 |
| Tan Chong Hee (DAP) | 019 - 411 5598 |
| Tan Chee Teong (DAP) | 012 - 401 7718 |
| Michael Tan Cheong Heng (DAP) | 012 - 487 3101 |
| P. David Marshel (DAP) | 019 - 412 3397 |
| H'ng Mooi Lye (DAP) | 012 - 425 2602 |
| M.Satees (DAP) | 016 - 438 4767 |
| Chong Pei Pei (DAP) | 012 - 476 7729 |
| Ong Eu Leong (PKR) | 010 - 770 0508 |
| Rezal Huzairi Md Zaki (PKR) | 017 - 409 7702 |
| Abdul Jalil Che Ros (PKR) | 013 - 489 3227 |
| Shafiqah Shobha Abdullah (PKR) | 016 - 496 1659 |
| Rajasegar a/l Govindasamy (PKR) | 019 - 411 7051 |
| Zulkifli Ibrahim (PKR) | 018 - 576 1622 |
| Zulkiefly Saad (PKR) | 013 - 436 2848 |
| Mohd Rizal Abd Hamid (PKR) | 012 - 424 3878 |
| Ho Leng Hong (PKR) | 017 - 487 2767 |
| Omar Hassan (PAS) | 019 - 571 8031 |
| Ahmad Kaswan Kassim (PAS) ahmadkaswan@mpsp.gov.my | 019 - 408 4899 |
| Wong Chee Keet (NGO) | 012 - 451 1312 |
| Dr. Tiun Ling Ta (NGO) lttiun@mpsp.gov.my | 04-508 0039 (Tel) 04-657 0918 (Fax) |
| Ahmad Tarmizi Abdullah (NGO) | 013 - 414 4822 |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPPP 2014

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPPP | 04 - 259 2020 |
| Tan Hooi Peng (DAP) | 012 - 498 6212 |
| Harvindar a/l Darshan Singh (DAP) | 012 - 428 2250 |
| Ong Ah Teong (DAP) | 012 - 410 6566 |
| Tay Leong Seng (DAP) | 019 - 321 9392 |
| Gooi Seong Kin (DAP) | 016 - 457 1271 |
| Sukumar a/l Subramaniam (DAP) | 019 - 442 2113 |
| Joseph Ng Soon Siang (DAP) | 012 - 423 9143 |
| Tan Kim Hooi (DAP) | 016 - 438 7855 |
| Lee Chun Kit (DAP) | 012 - 519 2152 |
| Mohd Hariszuan Jaharudin (DAP) | 013 - 379 6019 |
| Francis a/l Joseph (PKR) | 012 - 474 3321 |
| Muhammad Sabri Md. Osman (PKR) | 013 - 432 0207 |
| Ahmad Azrizal Tahir (PKR) | 012 - 498 4556 |
| Kumaresan a/l Arumugam (PKR) | 014 - 945 9621 |
| Tan Chiew Choon (PKR) | 019 - 470 4499 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik (PKR) | 019 - 470 8811 |
| Lim Boon Beng (PKR) | 012 - 564 4400 |
| Nur Zarina Zakaria (PKR) | 011 - 1578 5098 |
| Iszuree Ibrahim (PAS) | 016 - 443 3205 |
| Mhd Nasir Yahya (PAS) | 012 - 402 6739 |
| Dr. Lim Mah Hui(NGO) | 012 - 422 1880 |
| Eric Lim Seng Keat (NGO) | 016 - 414 3428 |
| Aidi Akhbal Mohd Zainon (NGO) | 012 - 464 3004 |
| Mohd Foaz Hamid (NGO) | 016 - 422 2225 |

**SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA**

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
MARK JAMES

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN

sertai kami melalui "***sms blast***",
taip "***ADD ME***" 010 333 1758

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.
Bertemakan, 'Atasi Perubahan Iklim, Bertindak Menentang Perubahan Iklim Sekarang!', karnival berkenaan turut memberi penekanan terhadap kepentingan pengurangan kesan tapak kaki karbon melalui pengurangan sisa, pemuliharaan air dan tenaga.

Guan Eng dalam pada itu berharap dapat mewujudkan momentum dalam membentuk serta mempromosikan Pulau Pinang sebagai negeri hijau melalui penganjuran karnival terbabit

"Malah, karnival ini berperanan sebagai landasan yang bukan sahaja memberi inspirasi hijau, tetapi juga sebagai tempat berkongsi idea-idea hijau serta strategi penghijauan," ujarnya.

Sebarang maklumat lanjut, sila layari laman sesawang ***www.pgigc.com.my*** atau ***Facebook Penang International Green Carnival*** atau hubungi talian **04 - 250 3321.**


## JAWATAN KOSONG

### Project Manager

**Required Skills and Experience**

**Education:**

- Bachelor or Masters degree in environmental management or other closely related area, have a understanding of the environmental economics, carbon project management process, carbon markets, and project-based measures for emissions reductions

**Experience:**

- 5 years of relevant experience in environmental management, policies, education, preferably in the area of carbon project development;

**Application Deadline : 31 May 2014**

### Project and Program Executive

**Required Skills and Experience**

- Bachelor's Degree or equivalent in environmental science, engineering, social sciences, management or related experiences.
- Interested in environment and sustainable development issues
- Interested in working with different types of communities.
- Good writing, communication and problem solving skills
- Must be resourceful, diligent, responsible, self-motivated and able to work under minimum supervision.
- Must be able to organise, plan and meet deadlines
- Computer literate (Word/ Excel/Powerpoint etc)

**Application Deadline : 31 May 2014**

▪For more information, please visit website: www.pgc.com.my ▪Email: info@pgc.com.my


# Sekolah tanam pokok rai Hari Hutan & Pokok Antarabangsa

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**KEPALA BATAS –** Kira-kira 50 pelajar Tahun 1 dan Tahun 2 dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SRJKT) Palaniandy di sini menanam anak pokok di sekitar sekolah mereka, sempena meraikan Hari Hutan dan Pokok Antarabangsa baru-baru ini.

Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), M. Satees, program anjuran bersama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *Earth Child Institute* itu diharap dapat memupuk tanggungjawab menjaga alam sekitar dalam kalangan pelajar.



M. Satees (dua dari kiri) dan P. David Marshel (dua dari kanan) pada majlis keraian Hari Hutan dan Pokok Antarabangsa di SRJKT Palaniandy di sini baru-baru ini.

"Ayuh hijaukan alam ini untuk (generasi) masa depan yang lebih mampan.

"Pelajar yang menyertai aktiviti ini berpeluang menanam sendiri anak pokok serta mengkompos sisa pepejal, dengan tunjuk ajar pegawai MPSP," ujarnya dalam ucapan pada majlis tersebut di sini baru-baru ini.

Seorang lagi Ahli Majlis MPSP, P. David Marshel turut berucap pada majlis itu.

Pameran kelestarian alam serta demontrasi mengkompos sisa pepejal turut dilangsungkan oleh pegawai MPSP, serentak dengan aktviti menanam anak pokok di sini.

Terdahulu, Satees dan David Marshel bersama-sama Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy menganjurkan program *Plant for the Planet* peringkat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Perai, sempena meraikan Hari Tindakan Iklim Antarabangsa.

Pada majlis itu, Satees mengumumkan, MPSP akan memberi insentif RM100 kepada pemberi maklumat yang berjaya mendedahkan aktiviti pembuangan sisa pepejal haram di sekitar Seberang Perai, hingga tertangkap pihak tidak bertanggungjawab terbabit.

# Kerjasama & ubah pemikiran jamin keselamatan kanak-kanak

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**



CHONG Eng menunjukkan kenyataan sidang akhbar beliau sambil ditemani Tan Pek Leng (dua dari kiri) di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Dalam memastikan akses saksama untuk penjagaan kanak-kanak, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) mengiktiraf keperluan untuk melindungi hak golongan terbabit sebagaimana termaktub dalam Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu berkenaan Hak Kanak-kanak (UNICEF).

Pelaksanaan tersebut adalah melalui Dasar Penjagaan Kanak-kanak Negeri Pulau Pinang yang mana membolehkan golongan wanita khususnya ibu-ibu berkerjaya mengimbangi kehidupan masing-masing antara pekerjaan dan keluarga.

Menurut Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng, dasar tersebut juga mampu memenuhi keperluan penjagaan kanak-kanak secara berkesan dengan mengambil kira keadaan semasa yang relevan.

"Satu rangka kerja institusi juga akan dibentuk supaya dapat memastikan pencapaian dasar ini melalui pelaksanaan Pelan Tindakan secara berkesan.

"Malah, Kerajaan Negeri juga mengesyorkan supaya pusat-pusat penjagaan kanak-kanak ditambah sama ada di tempat kerja, dalam kawasan komuniti dan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak swasta sedia ada," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Tan Pek Leng.

Jelas beliau, melalui perhatian dan kerjasama semua pihak, kes-kes penderaan mahupun kanak-kanak terabai dapat dibendung.

Dalam pada itu, Chong Eng turut meluahkan rasa simpati susulan kes pembunuhan kejam dua kanak-kanak lelaki di Sungai Buloh, Selangor pada 25 Februari lalu.

Beliau memberitahu, kes seumpama itu perlu diberi perhatian sepatutnya terutama dalam aspek perlindungan kanak-kanak, penyediaan latihan khusus untuk pengasuh dan penambahan bilangan pegawai kebajikan sosial dalam usaha membendung keselamatan kanak-kanak yang kian terancam.

"Sungguhpun kita mempunyai Akta Kanak-kanak 2001, namun, kes-kes melibatkan penderaan kanak-kanak masih juga berlaku.

"Oleh itu, saya menyeru semua pihak supaya berkerjasama dan mengubah pemikiran bagi memastikan keselamatan kanak-kanak terjamin dan tidak hanya mengharapkan pekerja-pekerja domestik untuk menjaga anak-anak kita," tegasnya.

# Puspanita Negeri sumbang bantuan pembangunan pendidikan




ROHANI Abdullah (dua dari kiri) menyampaikan replika cek kepada Rohayah Abdul Manaf sempena Majlis Lawatan Turun Padang YDP Puspanita Kebangsaan ke Puspanita Cawangan Negeri Pulau Pinang Tahun 2014 di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (Puspanita) cawangan Negeri Pulau Pinang menyampaikan sumbangan RM12,000 kepada empat institusi pendidikan terpilih di sini baru-baru ini.

Pengerusi Puspanita cawangan Negeri Pulau Pinang, Datin Hamidah Mat Daud berkata, sumbangan tersebut diagihkan kepada institusi-institusi berkenaan ekoran ia beroperasi dengan sumber kewangan sumbangan daripada orang ramai.

"Diharap sumbangan masing-masing bernilai RM3,000 ini dapat meringankan bebanan kewangan ditanggung dan sekaligus membantu pihak terbabit dalam pembangunan pendidikan.

"Ini (sumbangan) adalah sekaligus mendokong program Transformasi Sistem Pendidikan menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025," ucapnya pada Majlis Lawatan Turun Padang Yang di-Pertua (YDP) Puspanita Kebangsaan ke Puspanita Cawangan Negeri Pulau Pinang Tahun 2014 di sini baru-baru ini.

Antara institusi pendidikan terpilih yang menerima sumbangan ialah Sekolah Sinar Harapan (sekolah khas untuk kanak-kanak yang mengalami kecelaruan perkembangan saraf, *cerebral palsy*, autism dan lembam), Madrasah Irshad al-Ashraf al-Wataniah, Ma'ahad Tahfiz al-Quran Kusyfu al-Ulum dan Ma'ahad Tahfiz Sirajul Quran.

Majlis penyampaian sumbangan disempurnakan, YDP Puspanita Kebangsaan, Puan Sri Datuk Rohani Abdullah yang juga isteri kepada Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ali Hamsa dalam siri kunjungan Puspanita Kebangsaan, di sini.

Dalam majlis sama, Puspanita turut menyampaikan sumbangan ketuhar pembakar dan RM1,000 kepada dua ibu tunggal terpilih, Rohayah Abdul Manaf (cacat penglihatan) dan Che Wan Abdul Wahab (hilang keupayaan berjalan).

Selain itu, sumbangan kerusi roda dan *walking frame* turut disumbangkan kepada Puspanita Negeri untuk ditempatkan di Rumah Puspanita, *Puspa Home* di Jalan Masjid Negeri.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus yang juga Penasihat Puspanita Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait turut serta dalam majlis tersebut.

# Bukan mudah pertahan gelaran juara - Nicol

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**



NICOL Ann David.

**GEORGE TOWN –** Sebagai anak jati Pulau Mutiara, Ratu Skuasy Negara, Datuk Nicol Ann David tidak menafikan bahawa beliau merindui makanan di sini apabila berentap atau ketika berada di luar negara.

"Apabila balik ke Pulau Pinang, semestinya saya akan mencari *char kuey teow* sebagai makanan kegemaran yang paling dirindui," katanya sambil tersenyum pada Majlis Makan Malam Khas sempena penganjuran Kejohanan Skuasy Wanita Dunia Ke-29 di sini baru-baru ini.

Sesi ramah-mesra yang diadakan khas oleh pihak penganjur kejohanan membuka peluang kepada para peminat Nicol untuk bertemu secara bersemuka dengan beliau.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa bukan sesuatu yang mudah untuk mempertahankan gelaran juara.

"Dari umur seawal lima tahun, saya sudah menceburi bidang skuasy. Saya berterima kasih kepada keluarga yang sentiasa menyokong hobi saya (pada peringkat permulaan) yang kini menjadi 'kerjaya' saya.

"Bagi mencapai tahap sekarang bukanlah sesuatu yang mudah, dari kecil hingga dewasa, saya menghadapi pelbagai cabaran.

"Corak latihan harus dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kualiti permainan dan paling penting adalah pengorbanan besar kepada sukan ini," jelas beliau yang berpengkalan di Amsterdam, Belanda baru-baru ini.

Pada Kejohanan Skuasy Wanita Dunia Ke-29 lalu, Nicol yang memburu gelaran dunia kali ke-lapan tewas kepada pemain Egypt, Nour El Shebini.

Walaupun kecewa di gelanggang sendiri, Nicol mengakui bahawa kekalahan tersebut adalah disebabkan beliau hilang fokus.

Sebelum ini, beliau memegang gelaran sebanyak tujuh kali pada kejohanan sama iaitu pada tahun 2005, 2006, 2008, 2009, 2010, 2011 dan 2012.

Majlis disertai 50 jemputan khas yang berlangsung kira-kira tiga jam tersebut turut diserikan dengan persembahan pelakon sitcom Kopitiam, Douglas Lim dan beberapa permainan seperti kuiz serta menimang bola skuasy.

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

# Zul tidak kenal putus asa



**DI** bawah terik panas matahari, setiap pekerja begitu asyik dan tekun menyemai benih-benih rumput.

Begitulah rutinnya setiap hari, malah, semua semaian perlu disiram sebanyak tiga kali sehari.

Bagi pemilik tapak semaian dan pengeluaran rumput 'karpet', Zulkiefly Saad, 56, komitmen para pekerja merupakan kunci utama beliau mampu bertahan dalam bidang perniagaan tersebut hingga kini.

Menurutnya yang lebih dikenali sebagai Zul, perniagaan rumput karpet tidak banyak cabaran, namun, memerlukan penjagaan rapi seperti kena 'panas' dan air yang cukup.

Terlibat dalam bidang perniagaan tersebut sejak lima tahun lalu, Zul menyatakan bahawa ia adalah didorong oleh faktor percambahan projek-projek perumahan di negeri Pulau Pinang.

"Saya tengok dan sembang sana-sini, memang terdapat permintaan dan pasaran terhadap rumput karpet kerana sebagaimana maklum, pemaju sebelum ini memperoleh rumput-rumput tersebut hanya dari Sungai Buloh, Selangor," ujar beliau kepada skuad Jalan-jalan Buletin Mutiara baru-baru ini.

Mengulas lanjut, pada peringkat permulaan, beliau bersama rakan kongsi, Abdul Latif Hashim, 51, terpaksa berjumpa dengan pihak pemaju bagi memasarkan produk-produk berkenaan.

"Hampir setahun kami berbuat demikian baru lah betul-betul membuahkah hasil yang mana kini para pemaju akan *order* terus dari kami," jelas Zul yang dikurniakan empat cahaya mata.

Terdapat kira-kira lima jenis rumput karpet yang disemai di tapak semaian beliau terletak di Kampung Cherok To' Kun, Machang Bubuk, Seberang Perai Tengah (SPT).

Antaranya adalah rumput karpet Filipina, Jepun, padang bola, mutiara biasa dan mutiara batik.

Menurut Zul, rumput karpet jenis Filipina adalah jenis yang cepat tumbuh. Ia hanya memerlukan tempoh masa 40 hari berbanding jenis Jepun, empat bulan sebelum sedia dipasarkan.

Setiap jenis rumput disemai di atas plastik hitam khas bersaiz 2 kaki x 1 kaki.

Dianggarkan, sebanyak 25,000 keping rumput dipasarkan dalam tempoh sebulan oleh Zul.

Mengulas lanjut, Zul yang berasal dari Kampung Cherok To' Kun menyatakan bahawa cabaran terbesar dalam bidang tersebut adalah faktor modal.

"Perniagaan ini memerlukan modal yang besar terutamanya dalam 'mencari' serta 'menjejaki' pekerja-pekerja berpengalaman.

"Saya dan Pak Latif (Abdul Latif) terpaksa 'melancong' ke sana sini bagi mencari bekas-bekas pekerja yang bekerja di pusat semaian Sungai Buloh sebelum ini.

"Ini kerana, adalah penting mengambil pekerja berpengalaman bagi menjayakan perusahaan ini," jelas beliau sambil menjelaskan bahawa sejumlah besar modal turut dibelanjakan untuk kemudahan logistik serta penginapan para pekerja.

Pada masa sama, kos meratakan kawasan seluas lapan ekar bagi tujuan berkenaan turut termasuk dalam prospek modal permulaan.

Selain rumput, di lokasi bersebelahan, Zul turut mengusahakan tanaman limau kasturi.

Sebanyak 2,000 pokok limau kasturi ditanam di kawasan bekas projek kelompok pertanian yang sebelum ini mengusahakan tanaman nanas.

"Bagaimanapun, ekoran



TANAH bakar yang sedia dipasarkan.

# usaha tanah pertanian



SEMAIAN pelbagai jenis rumput karpet.



SEORANG pekerja sedang menyemai rumput karpet di tapak semaian Kampung Cherok To' Kun.



PEMBUATAN tanah bakar yang memerlukan tempoh masa kira-kira lima hari.

pasaran yang kian menurun dan persaingan, Zul kini beransur-ansur mencari alternatif lain menggantikan jenis tanaman berkenaan.

Terbaru, Zul yang tidak pernah mengenal erti putus asa dalam mengharungi pelbagai cabaran dalam bidang pertanian mula berjinak-jinak dengan proses penghasilan tanah bakar.

"Prosesnya bukan mudah," nyatanya ringkas.

Tanah bakar yang kini semakin popular digunakan dalam bidang pertanian memerlukan tempoh masa kira-kira empat hingga lima hari untuk 'masak'.

"Sekiranya tidak pandai, kadang-kala mencapai tempoh sebulan,'' kata beliau.

Jelas Zul, permintaan terhadap tanah bakar adalah amat tinggi kini ekoran keunikannya.

"Ia adalah jenis tanah yang bersih tanpa virus iaitu dihasilkan daripada campuran tanah dan kayu yang dibakar.

"Untuk menggunakannya, campur ia (tanah bakar) dengan baja dan tanam pokok berkaitan. Akar pokok akan mudah 'turun','' ujar beliau sambil menjelaskan bahawa tanah bakar amat sesuai dengan pokok kemboja.

Sebagaimana usahawan-usahawan lain, Zul dan Abdul Latif menyimpan hasrat untuk memperbesarkan prospek perniagaan sedia ada terutamanya dalam penghasilan tanah bakar.

"Kami akan terus berusaha dan kini sedang mempelopori tanaman jagung,'' katanya sambil tersenyum.

**INFO :**
**Zul :013 – 436 2848**





POKOK-pokok limau kasturi yang ditanam.

# Seberang Perai harapan P. Pinang – Kon Yeow



T. Kaliappan.



NASRIAH Ali @ Ramli.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BERTAM –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) meraikan 53 pesara pelbagai kategori tahun 2014 serta 149 kakitangan penerima anugerah perkhidmatan cemerlang bagi tahun lalu (2013) dalam satu majlis bersama di sini baru-baru ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow mengulangi sekali lagi hasrat Kerajaan Negeri mahu melihat Seberang Perai sebagai masa depan negeri ini, iaitu harapan yang pernah diucapkan pada majlis istiadat pelantikan dan upacara mengangkat sumpah Ahli-Ahli Majlis MPSP Tahun 2014, sebelum ini.

Justeru, katanya, majlis anugerah seumpama ini tentunya sangat signifikan bagi menghargai rekod sumbangan perkhidmatan MPSP yang dianggap cemerlang dalam lebih tiga tahun belakangan ini.

"Saya suka kata Seberang Perai adalah masa depan Pulau Pinang memandangkan banyak usaha dilakukan oleh Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan MPSP... Seberang Perai akan terus menjadi harapan Pulau Pinang.

"Saya yakin Majlis (Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Penghargaan Pesara) ini akan menjadi penyubur semangat, agar MPSP terus (dilihat) menjadi peneraju perubahan," ujarnya di Kompleks Sukan MPSP di sini.

Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd.Sharif turut berucap pada majlis tahunan tersebut, yang juga disertai oleh Setiausahanya, Sr. Rozali Mohamud.

Hampir semua Ahli Majlis MPSP hadir pada majlis keraian tahunan tersebut.

Menurut Maimunah, MPSP mensasarkan langkah pengambilalihan keseluruhan operasi pembersihan di ketiga-tiga daerah mulai Julai depan, walaupun Kerajaan Negeri tidak menetapkan tempoh khusus untuk pelaksanaan prestasi itu.

Beliau bagaimanapun menjelaskan, sebanyak 74 kontraktor sedia ada masih melaksanakan kerja-kerja pembersihan di Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS).

"Kita mensasarkan pada bulan Julai ini, pengambilan 100 peratus operasi pembersihan di Seberang Perai," ujar Maimunah.

Untuk itu, katanya, MPSP akan mengambil kira-kira 800 kakitangan pada pertengahan bulan April ini, selain, tambahan 300 orang (kakitangan) lagi nanti, menjadikan jumlah keseluruhan sebelum hujung tahun ini berjumlah 2,469 orang.

MPSP mempunyai 1,330 kakitangan, sekarang.

Dalam pada itu, waris salah seorang penerima, Nasriah Ali @ Ramli, 48, melahirkan rasa terharu kerana suaminya, Aziz Ariffin, 58, yang meninggal dunia dalam perkhidmatan pada 3 Disember tahun lepas turut diraikan pada majlis penghargaan pesarakan kali ini.

"Rasa gembira pun ada, rasa sedih pun ada. Dulu, Allahyarham suami dalam tempoh perjawatannya selama 33 tahun dengan MPSP, beliau pernah mendapat anugerah cemerlang. Hari ini, beliau dihargai sebagai pesara sebab kematian," ujar balu berkenaan.

Nada sama turut diluahkan pesara wajib, T. Kaliappan, 60, yang pernah berkhidmat dalam Jabatan Perbandaran selama 33 tahun.

"Gembiralah bekerja dalam majlis sebab macam keluarga, memang banyak kenangan. Tetapi, apa boleh buat sebab umur sudah cukup (60 tahun).

"Sayanglah mahu tinggal kerja, kawan-kawan. Kalau ada peluang, memang mahu balik (berkhidmat dengan MPSP)," ujar Kaliappan.

## Anugerah Sekolah Hijau 2014 - peringkat pulau

**MAJLIS** Perbandaran Pulau Pinang sekali lagi telah menganjurkan Anugerah Sekolah Hijau 2014 Peringkat Pulau, Pulau Pinang.

Tahun ini merupakan tahun ke-5 Anugerah Sekolah Hijau dilaksanakan.

Program Anugerah Sekolah Hijau ini dibentuk sebagai program pengauditan alam sekitar bagi sekolah sekolah di bahagian Pulau, Pulau Pinang.

Tujuan pelaksanan ini adalah untuk memberi peluang kepada pelajar bekerja sebagai satu pasukan dalam usaha memulihara alam sekitar di peringkat sekolah.

Pihak sekolah adalah digalakkan menyertai penganugerahan ini sebagai tanda sokongan menjaga alam sekitar.

Semua projek alam sekitar yang sedang dan akan dijalankan di sekolah perlu dilaporkan dalam laporan berkenaan.

Borang Anugerah Sekolah Hijau 2014 Peringkat Pulau, Pulau Pinang boleh dimuat turun diportal Majlis di ***www.mppp.gov.my***.



# Portal MPSP dapat lagi penarafan 5 bintang

**SEBERANG JAYA** – Portal rasmi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk tahun ketiga berturut-turut mendapat penarafan lima bintang dalam pertandingan Portal Kerajaan Malaysia 2014, anjuran Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.

Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif memberitahu bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus bakal menerima hadiah penghargaan di Auditorium Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dekat Putrajaya nanti.

"Anugerah ini telah kita capai tiap-tiap tahun sejak 2011 lagi, maka, saya berharap kita (MPSP) mempertahankan pencapaian ini pada tahun-tahun hadapan," ujarnya selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh MPSP Kali Ke-477 Bil. 3/2014 di Kompleks Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda di sini.

Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamud serta tiga Ahli Majlis lain, Tan Cheong Heng, Rezal Huzairi Md. Zaki dan Ahmad Kaswan Kassim turut hadir pada sidang media itu.

Maimunah memberitahu, sebanyak 30 sesawang rasmi kerajaan di Pulau Pinang dinilai pada pertandingan kali ini, manakala, penarafan lima bintang diberikan kepada 14 laman rasmi, termasuk portal MPSP.



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (kanan sekali) sambil ditemani Sr. Rozali Mohamud (dua dari kanan) pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

## Pengecualian kadar cukai taksiran ikut garis panduan

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) meluluskan permohonan pengecualian kadar cukai taksiran beberapa pusat dan pertubuhan bukan berasaskan keuntungan di negeri ini mengikut garis panduan Kes-kes Pengecualian Cukai Taksiran Di Bawah Seksyen 134 dan 135 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) di sini baru-baru ini.



**JOSEPH Ng Soon Siang.**

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pengurusan Kewangan, Joseph Ng Soon Siang ketika membentangkan laporan berkaitan berkata, pengurangan kadar cukai tersebut akan disemak setiap tahun dan lazimnya setiap permohonan sah pakai selama tempoh tiga tahun.

"Kita (MPPP) akan melakukan semakan setiap tahun. Lazimnya, setiap permohonan yang dibuat adalah sah untuk tempoh tiga tahun dan jika tempoh telah tamat, pemilik pegangan perlu memohon semula pengecualian tersebut.

"Serentak itu, MPPP akan membuat lawatan dan pemeriksaan tahunan terhadap pegangan berkenaan bagi memastikan tiada pertukaran daripada kegunaan asal yang telah diberikan pengecualian," ujarnya pada Mesyuarat Biasa Majlis di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, terdapat perbezaan pengecualian membabitkan Seksyen 134 dan 135 cukai taksiran yang telah diluluskan.

"Permohonan pengecualian kadar melalui Seksyen 134 Akta Kerajaan Tempatan 1976 akan dirujuk untuk pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengurusan Kewangan.

"Manakala, permohonan Seksyen 135 akta yang sama akan dirujuk untuk pertimbangan Majlis sebelum dirujuk untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri," jelas Soon Siang.

## MPSP ambil alih operasi bersih sasar jimat dana

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG PERAI** – Pengambilalihan semula operasi mengutip sampah dan kerja-kerja pembersihan secara berperingkat mulai awal tahun ini diharap dapat menjimatkan sumber dana Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Menurut Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif, sebanyak RM74 juta atau 32 peratus daripada keseluruhan RM227 juta bajet MPSP pada tahun ini (2014) diperuntukan untuk kerja-kerja mengurus operasi pembersihan di Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS).

"Di Bandar Kawasaki (dekat Jepun), hanya 4 peratus daripada bajet (pihak berkuasa tempatan, PBT) diperuntukan untuk kerja-kerja pembersihan.

"Kita, 32 peratus...usaha menjimatkan sumber ini boleh berjaya jika mendapat kerjasama pelanggan (orang awam).

"(Atas maksud itu,) dari jumlah asal sebanyak 55 kontraktor, kita telah tamatkan 23 (kontraktor) secara berperingkat," jelasnya dalam majlis khusus kepada wartawan di Kompleks Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Demi menguruskan operasi pembersihan di Seberang Perai, katanya lagi, MPSP mengambil kira-kira 500 kakitangan baru dan akan mengambil 335 lagi pekerja untuk mencukupkan bilangan 2,469 kakitangan PBT itu pada hujung tahun ini.

"Seramai 335 lagi akan ditemuduga dan diambil dalam pertengahan bulan Ogos - Disember ini," jelas Maimunah.

Difahamkan, MPSP bertanggungjawab mengurus kebersihan di ketiga-tiga daerah yang berkeluasan 738 kilometer persegi (KM²).

Dari keseluruhan kira-kira 897,600 warga Seberang Perai, 295,082 orang direkodkan sebagai pelanggan yang membayar cukai kepada MPSP pada tahun lepas.

"Sebagai PBT, jika masalah sampah, longkang, rumput (panjang) dan lampu jalan boleh diselenggara (secara) paling baik, MPSP akan memenuhi mutu pelanggan," jelas beliau.

# Keahlian Briged Wanita bantu kuasakan wanita & negeri



WONG Hon Wai (tengah) menyerahkan *'vest'* khas kepada salah seorang ahli Briged Wanita Kampung Melayu pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**AIR ITAM –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai berharap penubuhan Briged Wanita di Kampung Melayu di sini mampu memainkan peranan penting dalam membantu Kerajaan Negeri memperkuasa dan memberdayakan wanita di Pulau Pinang amnya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan perasmian pada Majlis Pelancaran Briged Wanita Kampung Melayu di sini baru-baru ini.

"Saya berharap dengan adanya Briged Wanita di sini, ia mampu menyumbang kekuatan untuk memperhebatkan hebahan berkaitan Program-program Emas Kerajaan Negeri.

"Kita mesti tunjukkan bahawa wanita boleh, berpotensi, ada keyakinan diri serta kemampuan untuk membuat perubahan," ucapnya.

Pada majlis tersebut, Hon Wai turut meluangkan masa mengedarkan borang Program-program Emas Kerajaan Negeri dan borang pendaftaran Briged Wanita kepada hadirin yang hadir.

Dalam pada itu, beliau mensasarkan penyertaan sehingga 300 ahli Briged Wanita di DUN Air Itam untuk membantu pelaksanaan beberapa objektif sama ada berhubung kepentingan wanita mahupun negeri.

"Wanita yang berusia 18 tahun dan sehingga 60 tahun serta bermastautin di negeri ini digalakkan untuk menyertai briged ini.

"Mereka yang berminat boleh membuat pendaftaran di Pusat Khidmat saya di sini," ujar beliau.

## Bergerak Medic berjaya didik penduduk

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BERAPIT –** Program pemeriksaan kesihatan percuma Bergerak Medic anjuran pejabat Ahli Parlimen Bukit Mertajam berjaya mendidik penduduk setempat untuk menjalankan pemeriksaan kesihatan secara berkala.

Kenyataan tersebut terbukti apabila kebanyakan penduduk hadir bagi mendapatkan perkhidmatan rawatan susulan pada penganjuran berikutnya di sini baru-baru ini.

Ahli Parlimennya, Steven Sim Chee Keong ketika ditemui berkata, pemeriksaan berulang tersebut menandakan bahawa penduduk setempat semakin sedar akan kepentingan akan menjaga tahap kesihatan masing-masing.

"Dalam masa tiga jam penganjuran, terdapat kira-kira 150 penduduk datang mendapatkan pemeriksaan secara percuma ini.

"Terdapat juga penduduk yang datang untuk mendapatkan pemeriksaan ulangan selepas tempoh tiga bulan daripada tarikh penganjuran sebelum ini di kawasan ini," katanya pada penganjuran program Bergerak Medic di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Chee Keong turut menekankan kepentingan menjaga kebersihan di kediaman masing-masing ekoran kes denggi yang kian meningkat sejak kebelakangan ini.

"Penduduk perlu sentiasa mengambil berat tahap kebersihan di sekitar kediaman masing-masing dan juga perlu sentiasa jalankan aktiviti gotong-royong bagi membasmi wabak denggi di negeri ini," ujar beliau.



SALAH seorang penduduk sedang menjalankan pemeriksaan pada penganjuran program Bergerak Medic di sini baru-baru ini.

## Perang biologi denggi guna ikan guppy – Chong Eng

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PADANG LALANG –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dengan pertubuhan sukarela *MPSP Watch* baru-baru ini melepaskan beribu-ribu anak ikan guppy ke dalam parit dekat Taman Kota Permai di sini demi memusnahkan pembiakan jentik-jentik baru-baru ini.



KELIHATAN jentik-jentik dimakan oleh anak-anak ikan guppy dalam bekas ujian semasa demontrasi.



CHONG Eng (tunduk) dan Steven Sim Chee Keong (dua dari kiri) memerhatikan anak ikan guppy yang dilepaskan ke dalam parit di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang, Chong Eng berkata, kaedah perang biologi terhadap nyamuk aedes dan wabak denggi menggunakan ikan guppy itu nampaknya lebih berkesan serta mesra habitat sungai, berbanding menggunakan racun pemusnah jentik-jentik.

"Kaedah baru ini sebenarnya lebih berkesan. Rakyat sendiri boleh mencuba perang biologi ini di rumah masing-masing.

"Di mana jentik-jentik boleh hidup, di situ ikan guppy boleh hidup serta tidak akan menggugat ekologi hidupan lain (selain jentik-jentik)," ujarnya yang juga Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti di sini baru-baru ini.

Berdepan wartawan, Chong Eng bersama-sama Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong dan Bernard Cheen (Pengasas pertubuhan sukarelawan *MPSP Watch*) turut melakukan demontrasi melepaskan anak-anak ikan guppy ke dalam bekas air ujian yang berisi jentik-jentik.

Sebelum itu, Chee Keong berkata, satu laporan oleh *Asia Development Bank* (ADB) dan Bank Dunia bersama-sama Kerajaan Cambodia dan Laos mendapati bahawa habitat ikan guppy *(Piecillia Reticulate)* boleh digunakan untuk melawan wabak denggi.

"Laporan tersebut menyatakan bahawa (seekor) ikan guppy memakan purata 102 ekor jentik-jentik setiap hari," jelasnya.

Justeru, kata beliau, langkah menyahpusatkan kawalan wabak denggi kepada Kerajaan Negeri perlu dipertimbang, memandangkan strategi sedia ada yang digunakan Kerajaan Pusat sebelum ini didakwa kurang berjaya.

"Sebagai contoh, pengagihan abate boleh dilaksanakan dengan lebih efektif sebab menggunakan rangkaian desentralisasi pejabat Ahli Parlimen, ADUN, JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti), RT (Kelab Rukun Tetangga) dan RT (Persatuan Penduduk)," ujar Chee Keong.

Tambahnya, laporan kajian sama di Cambodia turut menyebut, 40 peratus bekas air di rumah-rumah mempunyai jentik-jentik, sebelum kaedah perang biologi menggunakan ikan guppy diperkenalkan.

Sehingga 23 Februari tahun ini, 16,383 kes denggi direkodkan di seluruh Negara, dengan 29 jumlah kematian.

# Penduduk Pinang Tunggal mahir buat wau - Muhasdey

Oleh **AINUL WARDAH SOHILLI**

**PINANG TUNGGAL** – Pesta Wau Bendang yang merupakan aktiviti tahunan diadakan selepas musim menuai padi dengan inisiatif penduduk-penduduk kampung dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselematan Komuniti (JKKK) Pinang Tunggal di Kampung Lembah Raja di sini baru-baru ini.

Menurut Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan (PPK) Pinang Tunggal, Muhasdey Muhammad, kebanyakan penduduk di sini mahir dalam pembuatan wau berikutan sering terlibat dengan pertandingan peringkat dalaman mahupun luar kampung.

"Kita adakan secara santai, namun, penyertaan mencecah 100 penduduk dari pelbagai latar belakang dan usia.

"Kita dapat lihat, ada wau bersaiz kecil, besar dan saiz gergasi, semuanya direka dan dibuat sendiri penduduk kampung di sini," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Tambah Muhasdey, musim kemarau adalah masa paling sesuai 'menaikkan' wau kerana anginnya yang kuat dan memudahkan kawalan.

"Antara dua kategori dipertandingkan iaitu dari segi kedudukan wau (lurus) dan hiasan wau tercantik (kreativiti).

"Selain itu, kita juga adakan cabutan bertuah yang bukan sahaja untuk kalangan peserta, tetapi penduduk yang hadir memeriahkan program diadakan," jelas beliau.



MUHASDEY Muhammad (berkopiah putih) menyampaikan hadiah cabutan bertuah kepada salah seorang pemenang sempena penganjuran Pesta Wau Bendang di sini baru-baru ini.



AKSI Muhasdey Muhammad memegang wau dipertandingkan.

# PPK Sg. Dua lawat warga emas mangsa ragut



ZAHADI Mohammad (dua dari kanan) ketika mengadakan lawatan khas di kediaman mangsa ragut di sini baru-baru ini.

**SUNGAI DUA** – Prihatin dengan nasib seorang warga emas yang menjadi mangsa ragut baru-baru ini, Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Sungai Dua, Zahadi Mohammad mengadakan lawatan khas ke kediaman beliau di sini.

Dalam kejadian tersebut, mangsa, Fatimah Kosor atau lebih dikenali Tok Timah, 82, mengalami kecederaan di tangan akibat pergelutan dan ditendang jatuh ke dalam longkang.

"Ketika kejadian, berlaku sangat pantas, Tok tak sempat nak buat apa-apa.

"Alhamdulillah, walaupun rasa takut (trauma), Tok selamat," katanya kepada Zahadi di sini baru-baru ini.

Dalam kejadian di Taman Mahsuri di sini, mangsa ketika itu sedang menyiram pokok bunga di halaman rumah dan dipercayai didatangi dua pemuda.

Suspek kemudian bertindak meragut rantai leher dan gelang tangan milik mangsa sebelum menendangnya ke dalam longkang.

Justeru, Zahadi menyeru orang ramai yang mempunyai maklumat boleh tampil memberi maklumat di mana-mana balai polis berdekatan.



PESERTA-peserta yang mengambil bahagian dalam penganjuran Kursus Pendek Membuat Kek dan Bahulu di sini baru-baru ini.

# Aplikasi kemahiran kursus kek, bahulu - Tuah

**PULAU BETONG** – Kira-kira 20 wanita menyertai Kursus Pendek Membuat Kek dan Bahulu anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Burong di sini baru-baru ini..

Kursus sehari itu merupakan salah satu inisiatif di bawah Biro Pembangunan Wanita JKKK Sungai Burong.

Menurut Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail, beliau menyokong sepenuhnya program-program berbentuk kemasyarakatan dan berharap persatuan-persatuan penduduk serta JKKK memperbanyakkan program sebegini.

Tambah beliau, program tersebut bukan sahaja memberi ilmu kepada masyarakat, tetapi juga kemahiran yang dapat dipraktikkan pada masa hadapan.

"Matlamat penganjuran adalah bagi memastikan para peserta mengaplikasikan kemahiran diajar untuk meningkatkan pendapatan keluarga masing-masing.

"Malah, pada masa sama, melalui kursus sebegini, mereka (para peserta) turut didedahkan dengan ilmu keusahawanan dan sekiranya serius untuk menceburinya, inshaAllah kita (PPK) akan berusaha membantu sedaya mampu," ujarnya di sini baru-baru ini.

## Kenali Pulau Pinang - Peraduan Cari Benda Tersembunyi




**Sila Jawab Soalan :**

1 - **Namakan Jambatan Kedua Pulau Pinang, ukuran panjang dan bila ia dibuka untuk umum?**

..........................................................................................................................

2 - **Bilakah George Town diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO?**

..........................................................................................

3 - **Namakan Ketua Menteri Pulau Pinang Ke-2 dan tempoh tarikh perkhidmatannya?**

..........................................................................................................................

*Sumber: Internet*

Sila isi butiran berikut:

Nama : ------------------------------------------------

Kad Pengenalan: ------------------------------------------------

Alamat: ------------------------------------------------

------------------------------------------------

------------------------------------------------

No. Telefon : (Rumah) ---------------- (Bimbit) : ----------------

Emel: ------------------------------------------------

Terma & Syarat Peraduan:

1. Peraduan dibuka kepada semua.
2. Bulatkan 9 objek tersembunyi dengan pen berwarna MERAH sahaja & jawab 3 soalan di atas.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar SATU penyertaan sahaja.
5. Keputusan pengadil adalah muktamad.
6. Hanya penyertaan lengkap bakal diadili.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 14 Mei 2014.
9. Sebarang pertanyaan sila hubungi 04 - 650 5564 / 5256 / 5704.
10. Alamatkan semua borang penyertaan kepada :
    Buletin Mutiara, Kenali Pulau Pinang - Peraduan Cari Benda Tersembunyi,
    Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

# Hadiah Utama RM 500